

ملاک هاری این



"Masih terlalu awal"

MUKA 23

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 1

Teknik menjawab soalan
SPM English Paper 1119

MUKA 15

Edisi 23 | 9 November 2020 - 15 November 2020 | 23 Rabiulawal 1442H - 29 Rabiulawal 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini

ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini setakat 8 November 2020, 12 pm

PULIH : 825

KES BAHRU : 852

KES KEMATIAN : 4

KES KESELURUHAN : 40,209

PKPB BERMULA

PERINTAH Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan dilaksanakan di seluruh negeri di Semenanjung termasuk Melaka kecuali Pahang, Perlis dan Kelantan, berkuatkuasa selama empat minggu bermula 9 November hingga 6 Disember depan. Berita penuh di Muka 2 & 3

Variasi

Tiada bazar,
tiada Pesta Deepavali

MUKA 19



Belanjawan 2021
tepati segenap spektrum

MUKA 4



JUALAN MEGA

DISKAUN SEHINGGA

70%

Tertakluk pada terma dan syarat

AXIS EYEWEAR Sejak 1999

PKPB di seluruh negara kecuali empat negeri

KUALA LUMPUR - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan dilaksanakan di seluruh negeri di Semenanjung kecuali Pahang, Perlis dan Kelantan, berkuatkuasa selama empat minggu bermula 9 November hingga 6 Disember depan.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata penguatkuasaan PKPB itu, dilaksanakan selepas Sidang Khas Majlis Keselamatan mendengar pembentangan Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung peningkatan kes positif COVID-19, di beberapa negeri di Semenanjung.

"Pelaksanaan PKPB ini bagi membolehkan KKM melaksanakan saringan se-

cara bersasar dan mengurangkan pergerakan dalam kalangan komuniti, di samping untuk mengekang penularan COVID-19 di negeri-negeri ini," katanya pada sidang media perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini, baru-baru ini.

Susulan daripada langkah itu, Ismail Sabri berkata PKPB di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sabah, yang sepatutnya tamat pada 9 November ini juga akan bersambung serentak dengan penguatkuasaan PKPB di tujuh negeri lain di Semenanjung.

Beliau berkata, SOP bagi PKPB berkenaan adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini antaranya pergerakan merentas daerah, ne-

geri tidak dibenarkan kecuali kes-kes kecemasan dan perlu mendapat kebenaran dari polis.

Selain itu, Ismail Sabri berkata antara SOP PKPB lain termasuk semua sekolah, institusi pengajian tinggi, institut latihan kemahiran, tadika, taska dan pusat tafhib ditutup, manakala aktiviti keagamaan di masjid dan surau akan ditentukan Pihak Berkuasa Agama Negeri.

"Semua aktiviti sosial dan budaya juga tidak dibenarkan, termasuk pusat hiburan dan kelab malam, namun semua kegiatan ekonomi dibenarkan beroperasi seperti biasa mengikut SOP yang telah ditetapkan," katanya.

Mengenai negeri Kelantan, Pahang dan Perlis yang

tidak tertakluk di bawah SOP PKPB, Ismail Sabri menegaskan pergerakan rentas negeri dari tiga negeri tersebut ke negeri-negeri lain tidak dibenarkan.

"Sebagai contoh, Kedah diisyiharkan PKPB, warga Kedah tidak boleh rentas negeri ke Perlis atau Perlis ke Kedah kecuali dengan kebenaran polis, walaupun Perlis itu hijau...sebab kita nak lindungi Perlis daripada kemasukan individu dari Kedah takut membawa jangkitan."

"Begitu juga Pahang ke Terengganu, Pahang ke Kuala Lumpur pun tidak dibenarkan rentas negeri," katanya.

Bagaimanapun rentas daerah di dalam negeri Pahang, Kelantan dan Perlis yang masih di bawah PKPP masih dibenarkan.



ISMALI Sabri ketika mengumumkan PKPB dalam sidang media perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 7 November lepas. (Gambar Sumber RTM)

Sementara itu, Ismail Sabri berkata meskipun Sarawak masih dalam PKPP, pergerakan rentas negeri dari Semenanjung, Sabah dan Labuan juga tidak dibenarkan, begitu juga keluar dari Sarawak ke negeri-negeri di bawah PKPB.

Bagaimanapun, pergerakan rentas daerah di seluruh negeri Sarawak dibenarkan, kecuali ke daerah Kuching kerana bilangan positif kes COVID-19 di daerah itu adalah tinggi berbanding di daerah lain yang masih di zon Hijau, katanya.- BERNAMA

Semua sekolah ditutup mulai 9 November

PUTRAJAYA - Semua sekolah di seluruh negara ditutup mulai 9 November hingga ke tarikh akhir sesi persekolahan tahun ini, kata Menteri Kanan Pendidikan Dr Radzi Jidin.

Beliau berkata untuk sekolah di negeri-negeri Kumpulan A iaitu Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu, penutupan ialah hingga 17 Disember sementara negeri-negeri Kumpulan B hingga 18 Disember.

Katanya keputusan itu dibuat susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) melibatkan semua negeri di Semenanjung kecuali Kelantan, Pahang dan Perlis bermula 9 November hingga 6 Disember depan bagi memutuskan rantaian penularan COVID-19.

"Seperti mana takwim penggal dan cuti persekolahan 2021 yang diumumkan sebelum ini, penggal persekolahan akan bermula pada 20 Januari 2021. Semua murid sekolah rendah akan memulakan sesi persekolahan secara bersemuka

pada tarikh tersebut," katanya pada sidang media, di sini baru-baru ini.

Radzi berkata pelajar tingkatan satu, empat, lima dan enam serta penuntut kolej vokasional juga akan memulakan persekolahan secara bersemuka pada tarikh sama, semestara pelajar tingkatan dua dan tiga pula meneruskan pembelajaran secara home-based learning mengikut kesesuaian guru, juga bermula pada tarikh sama.

Mereka akan kembali ke sekolah untuk sesi pembelajaran secara bersemuka pada 8 Mac 2021, kata-

Ditanya sebab pelajar tingkatan dua dan tiga hanya memulakan sesi persekolahan secara bersemuka pada 8 Mac 2021, Radzi berkata ini kerana kelas mereka akan digunakan untuk menempatkan pelajar tingkatan lima yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2020 pada 22 Februari 2021.

Mengenai kekangan pelajar luar bandar terutamanya dari segi

akses kepada Internet untuk pembelajaran dalam talian, Radzi berkata KPM menyerahkan sepenuhnya kepada guru untuk menggunakan apa sahaja kaedah terbaik dalam memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Mengenai pelajar yang tinggal di asrama, Radzi berkata ibu bapa atau penjaga perlu membawa mereka pulang ke rumah masing-masing.

"Bagaimanapun, pelajar boleh terus kekal berada di asrama semestara menunggu untuk diambil oleh ibu bapa atau penjaga," katanya, menambah sepanjang tempoh itu mereka akan berada di bawah

pengawasan warden asrama, manakala makan dan minum akan disemberediakan pihak sekolah.

Radzi berkata ketetapan mengenai tarikh permulaan sekolah itu turut terpakai kepada sekolah swasta dan semua institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM.

"Bagi sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM pula, mereka juga Disember untuk mengikuti ketetapan ini," katanya.

Radzi berkata pelajar program matrikulasi KPM dan pelajar institut pendidikan guru (IPG) akan meneruskan pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya dan mela-

kukan ulang kaji kendiri hingga 31 Disember 2020.

Pelajar program Matrikulasi KPM akan kembali semula ke kolej dan meneruskan program pada 4 Januari 2021, katanya.

Bagi pelajar IPG, penyampaian pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran untuk semua program pengajaran akan dilaksanakan seperti dalam kalender akademik Program Pendidikan Guru sesi 2020/2021 dan sesi 2021/2022.

"Pelajar IPG akan kembali ke kampus dan meneruskan pengajaran pada 17 Januari 2021," katanya. - BERNAMA

FAHAMU ISTILAH BERKAITAN

PKPB

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat



Fokus kepada kawalan pergerakan berkaitan majlis sosial. Sektor ekonomi dibenarkan beroperasi mengikut keperluan.

PKP

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan



"Total lockdown, tiada dibenarkan sama sekali. Dilaksanakan secara menyeluruh sekiranya penularan kes berselerak."

PKPDB

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar

"Total lockdown, di lokalkti terpilih disebabkan penularan kes yang bertumpu seperti di kawasan kampung, asrama dan sebagainya."



SEMUA sekolah di seluruh negara ditutup mulai 9 November hingga ke tarikh akhir sesi persekolahan tahun ini. (Gambar Sumber Internet)



SEBANYAK sembilan sekatan jalan raya akan dilaksanakan di negeri ini bermula 9 November 2020 sehingga 6 Disember depan rentetan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang diumumkan pada 7 November lepas. (Foto Sumber Internet)

PKPB: Sembilan sekatan jalan raya di Melaka

BANDA HILIR - "Sebanyak sembilan sekatan jalan raya akan dilaksanakan di negeri ini bermula 9 November 2020.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, ia melibatkan empat di Daerah Jasin dan lima di Daerah Alor Gajah.

"Sekatan ini rentetan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula esok sehingga 6 Disember depan.

"Esok sudah ada sekatan jalan raya di Daerah Jasin dan Alor Gajah, semua pintu masuk akan ada sekatan jalan.

"Bila ia dilaksanakan

bagaimana pelancongan Negeri Melaka (untuk terus hidup), jadi saya mohon adanya kempen-kempen khusus untuk orang Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pelancaran Melaka Visit Melaka Packages 2020 di Cafe Stadthuys, pada 8 No-

vember lepas.

Jelas Sulaiman, setakat ini sebanyak 18 pengusaha produk pelancongan turut serta dalam kempen promosi produk pelancongan di Melaka.

Hadir sama, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Saari Basiron.

Sidang DUN Melaka ditangguhkan

Liana Sahabudin

AYER KEROH - "Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas tahun 2020 yang dijadual bersidang pada 9 hingga 11 November ditangguhkan ke 9 hingga 11 Disember 2020.

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Unit Dewan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKKN) Ahmad

Azlan Ahmad Salleh berkata, ia kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ke atas Negeri Melaka berkuatkuasa selama empat minggu mulai 9 November hingga 6 Disember 2020.

Sehubungan itu katanya, makluman tempoh embargo bagi risalat dipanjangkan kepada 9 Disember 2020,

"Sehubungan dengan itu, risalat tersebut tidak boleh disiarkan sebelum tarikh tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada 8 November lepas.

Azlan berkata, pertanyaan-pertanyaan Dewan, Usul dan Ucapan Penangguhan adalah sama dan tiada pindaan.

"Tempoh embargo bagi risalat dipanjangkan kepada 9 Disember 2020, sehubungan dengan itu risalat tersebut tidak boleh disiarkan sebelum tarikh tersebut," katanya.



PERSIDANGAN Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, DUN Melaka Keempat Belas tahun 2020 yang dijadual bersidang pada 9 hingga 11 November ditangguhkan ke 9 hingga 11 Disember 2020. (Gambar Fail)

PKPB APA YANG BOLEH DAN APA YANG TIDAK BOLEH



- * Keluar rumah (terhad 2 orang sahaja atas urusan kerja, kecemasan dan beli barang keperluan).
- * Rentas daerah untuk bekerja (perlu ada pas/surat kebenaran).
- * "Tapau" makanan di restoran.



- * Bergerak merentas daerah tanpa tujuan penting.
- * Hantar anak ke sekolah, universiti atau pusat jagaan.
- * Makan beramai-ramai di restoran (hanya dibenarkan 2 orang setiap meja).
- * Berkunjung ke rumah ibadat.
- * Menghadiri atau menganjurkan majlis sosial seperti kenduri kahwin.

**Jika enggan patuh,
anda boleh dikenakan
denda RM1,000
penjara sehingga
enam bulan atau
kedua-duanya.**



Sumber : Majlis Keselamatan Negara (MKN)
dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Grafik : Melaka Hari Ini

Belanjawan 2021

Kerajaan bentang peruntukan terbesar RM322.5 bilion

KUALA LUMPUR - Belanjawan 2021 yang dibentangkan pada 6 November lepas menyediakan peruntukan mencecah RM322.5 bilion, jumlah terbesar dalam sejarah negara, yang sememangnya amat diperlukan bagi melindungi rakyat dan menyokong petugas barisan hadapan ke arah memperkuuh pemulihian negara berikutan penularan pandemik kesihatan yang hampir melumpuhkan ekonomi global.

Lebih banyak bantuan berkaitan penjagaan kesihatan, insentif dan peruntukan untuk peralatan adalah bahagian penting dalam Belanjawan 2021 di bawah pimpinan kerajaan Perikatan Nasional yang bertemakan 'Teguh Kita, Menang Bersama'.

Perniagaan tidak kira kecil, sederahan maupun besar turut tidak ketinggalan. Potensi ekonomi gigi dan keperluan untuk menyediakan platform bersesuaian dari segi pendidikan, pembentangan dan jaringan keselamatan turut dipertimbangkan.

Belanjawan itu turut memberikan pelepasan cukai untuk individu untuk meningkatkan kuasa membeli, memperkasakan keusahawanan wanita, orang kurang upaya, golongan rentan dan komuniti orang Asli menjadikan belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, satu belanjawan yang inklusif untuk semua.

"Kerajaan telah meletakkan keutamaan melindungi rakyat me-

lebih segala perkara lain," kata beliau ketika membentangkannya di Parlimen ketika negara sedang berhadapan dengan gelombang ketiga pandemik COVID-19 dengan kes mencecah 1,000 sehari.

Tahun lepas, Belanjawan 2020 menyaksikan peruntukan berjumlah RM314.7 bilion, jumlah yang telah disemak semula daripada anggaran peruntukan awal RM297 bilion, yang diperoleh daripada suntikan rangsangan fiskal.

Belanjawan 2021 dipandu oleh lima strategi iaitu pandemik COVID-19 dan kesihatan awam, memelihara kebijakan golongan rentan, memperkasa peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan masyarakat sivil, menjamin kelestarian sumber dan perkhidmatan




TENGKU Zafrul ketika menunjukkan beg yang mengandungi isi teks ucapan Belanjawan 2021 sebelum membentangkannya di Parlimen pada 6 November lepas. (Foto sumber Internet).

awam.

Daripada jumlah peruntukan dalam Belanjawan 2021 itu, RM236.5 bilion (73.3 peratus) akan disalurkan kepada perbelanjaan op-

erasi, RM69 billion atau 21.4 peratus kepada perbelanjaan pembangunan dan RM17 billion (5.3 peratus) kepada Kumpulan Wang COVID-19.- BERNAMA



Belanjawan 2021 tepati segenap spektrum

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz disifatkan sebagai menyeluruh dan menepati segenap spektrum.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, dengan pembentangan Belanjawan terbesar dan mencipta sejarah iaitu sebanyak RM322.5 bilion, peruntukan itu dilihat mampu memberi pelbagai manfaat buat rakyat dalam pelbagai sektor.

Selain itu, jelasnya, pembentangan tersebut turut men-

ambil kira impak pandemik COVID-19 ke atas hidup rakyat dengan memberi pelbagai bantuan yang boleh dinikmati.

"Kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kerajaan pusat yang telah membentangkan sebuah belanjawan yang menyeluruh, menepati segenap spektrum yang boleh dinikmati segenap lapisan masyarakat.

"Kita boleh melihat kerajaan hari ini cukup prihatin terutama kepada rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dengan menyediakan pelbagai bantuan kepada pelbagai sektor dan seluruh lapisan masyarakat tidak mengira

bangsa dan agama," katanya.

Beliau berkata demikian selepas ditemui menyaksikan pembentangan Belanjawan 2020 di Auditorium Seri Negeri pada 6 November lepas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr. Hasim Hasan serta unit pengurusan tertinggi Kerajaan Negeri Melaka.

Mengulas lanjut, Sulaiman turut merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah berbesar hati memberikan peruntukan penting kepada Negeri Melaka, khususnya dalam sektor pelancongan dan infrastruktur bekalan air.

Jelasnya peruntukan terhadap dua sektor berkenaan berupaya memberi kesan besar kepada negeri yang akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan rakyat Melaka di kemudian hari.

Untuk rekor, antara dua pembentangan Belanjawan 2021 yang dikhaskan kepada Melaka ialah peruntukan RM150 juta bagi Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus Melaka serta peruntukan RM20 juta bagi menambah baik infrastruktur dan mempergiat promosi Kampung-kampung Budaya yang dikongsi bersama Terengganu, Sarawak dan Negeri Sembilan.

Belanjawan 2021 bantu Melaka pulih masalah air

PERUNTUKAN sebanyak RM150 juta bagi Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus Melaka dalam Belanjawan 2021 dianggap sebagai antara bantuan penting dalam usaha mengatasi masalah air di negeri ini.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, Melaka sebagai 'Water Stress State' sememangnya memerlukan bantuan berkenaan bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat bekalan air yang mencukupi meski pun ketika berlakunya kemarau.

Jelasnya, walaupun peruntukan tersebut telah dipojong sebanyak 50 peratus berbanding peruntukan awal

yang diminta iaitu sebanyak RM300 juta, namun Kerajaan Negeri Melaka tetap menyambut baik dan merakamkan penghargaan di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan.

"Kita sudah dapat maklum lebih awal mengenai peruntukan ini yang mana sepatutnya berjumlah RM300 juta. Tetapi bila diumum RM150 juta kita tetap bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat.

"Sudah pasti Melaka sebagai negeri yang tidak mempunyai kemampuan air mencukupi amat memerlukan peruntukan ini yang diyakini dapat menyumbang kepada pemulihian air di Me-

laka.

"Kita akan laksanakan sebaik mungkin dan saya yakin agensi yang terlibat iaitu Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) untuk mengruskannya," katanya.

Dalam pada itu, Sulaiman turut menzhahirkan harapan agar Melaka menerima tempias dalam peruntukan RM35 juta yang diberikan kepada sektor pelancongan kesihatan.

Jelasnya, sebagai negeri yang terkenal dalam pelancongan kesihatan, Melaka boleh menggunakan peruntukan tersebut untuk merancakkan sektor terbabit sepanjang tempoh pasca COVID-19.



SULAIMAN bersama Hasim serta unit pengurusan tertinggi Kerajaan Negeri Melaka menyaksikan Pembentangan Belanjawan 2021 secara langsung yang disampaikan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz di Auditorium Seri Negeri, baru-baru ini.

Majlis Pembangunan M-WEZ ditubuhkan

AYER LIMAU – Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang tidak termasuk dalam pembentangan Belanjawan 2021 semalam tidak menganggu rancangan Melaka merealisasikan koridor ekonomi baru itu.

La berikutnya perkara itu perlu diperhalusi di peringkat Majlis Pembangunan M-WEZ yang baharu sahaja ditubuhkan, sebelum ia dibentangkan dalam Majlis Pembangunan Fiskal Negara tahun hadapan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, rangka pembangunan itu perlu diperincikan menerusi Majlis Pembangunan M-WEZ terlebih dahulu termasuk mengadakan kajian dan dokumentasi berkaitan.

Malah katanya, barisan kepimpinan kerajaan negeri turut menubuhkan panel penasihat dan meja rundingan bagi melaksanakan perbincangan menyeluruh mengenai perkara itu.

"Saya dan barisan EXCO kerajaan negeri turut menubuhkan pa-

“Kerajaan negeri mempunyai tempoh masa sekurang-kurangnya empat bulan bagi memuktamadkan semua dokumen berkaitan sebelum mesyuarat Majlis Pembangunan Fiskal Negara yang dijangka diadakan pada Mac tahun hadapan, bermula.”

nel penasihat, 'retreat' malah kita sudah menjalankan seminar dan kita akan laksanakan 'lab' (perbincangan).

"Apabila semua dokumentasi itu cukup maka kita akan bawa kepada Majlis Pembangunan Fiskal Negara yang dibantu oleh Majlis Pembangunan M-WEZ.

"Jadi apabila pembangunan itu tidak termasuk dalam Belanjawan 2021, ia tidak melunturkan semangat kita dan kita akan terus bekerja keras untuk memastikan satu pembangun-

nan baharu dapat direalisasikan di Negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas mengadakan lawatan kerja di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Wira Amiruddin Yusof.

Sulaiman berkata, kerajaan negeri mempunyai tempoh masa sekurang-kurangnya empat bulan bagi memuktamadkan semua do-



SULAIMAN

tan sebelum mesyuarat Majlis Pembangunan Fiskal Negara yang dijangka diadakan pada Mac tahun hadapan, bermula.

"Kita sudah mengadakan pra-lab membabitkan barisan kerajaan negeri dan agensi berkaitan sebulan

lalu dan kita akan adakan 'lab' bersama sektor swasta bagi merangka pelan strategi koridor berkenaan.

"Dalam tempoh tiga bulan ini

mesti kita selesaikan dan penyerahan (dokumentasi) kita pada bulan Mac tahun hadapan," katanya.

Rakyat teruja jumpa Ketua Menteri

SIKAP merendah diri dan tidak mementingkan protokol menjadikan Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali mudah disenangi rakyat setempat meskipun menyandang jawatan Ketua Menteri Melaka.

Perkara itu diakui Amir

Hussin Yaakob, 66, yang menetap di Kampung Ayer Limau.

Dia menzahirkan rasa bertuah bertemu pemimpin negeri itu ketika lawatan Sulaiman di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer

Limau, di sini pada 7 November lepas.

Ujarnya, meskipun sudah memegang tampuk perintah kerajaan negeri, dia cukup mengagumi Sulaiman kerana masih mengingati semua nama kenalan

lama.

"Jarang kita tengok pemimpin negeri pada seawal Subuh menyertai rakyat untuk sama-sama berjemaah, namun beliau (Sulaiman) sempat mencuri masa meskipun masanya sibuk mentadbir kerajaan (negeri).

"Saya sendiri mengenali beliau sebelum beliau aktif dalam politik, jadi sejak dahulu sehingga bergelar Ketua Menteri, sikapnya sama tidak berubah yang sentiasa merendah diri," katanya.

Perasaan sama diungkapkan penduduk Taman Seri Aman, di sini Jamira Azura Jamaluddin, 36, yang sanggup bangun seawal jam 6 pagi untuk bertemu pemimpin negeri itu.

"Saya bangga sebab beliau adalah anak watan Masjid



AMIR Hussin



JAMIRA

Tanah dan apabila beliau melawat kawasan Ayer Limau, ia amat dinantikan.

"Apabila dapat peluang untuk mendekati beliau, saya sanggup bangun awal pagi dan ternyata beliau sangat berjiwa rakyat," katanya.

Terdahulu, Sulaiman menunaikan solat Subuh bersama rakyat di Masjid Tok Janggut, Kampung Lekok sebelum bersarapan di Kedai Minum Comel di

Dewan Abu Seman.

Kemudian, Ketua Menteri menziarahi lima buah rumah menerusi Program Ziarah Kasih dan menyampaikan bantuan serta sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Antara penerima sumbangan termasuk Zabedah Baba, 79; Mohd Said Taib, 56; Mariam Bidin, 73; Fatimah Hussin, 90 dan Yusnita Yusof, 47.



SULAIMAN memapah Fatimah Hussin, 90, sambil diperhatikan Amiruddin (kiri) dalam sesi lawatannya ke DUN Ayer Limau, baru-baru ini

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

9 November - 15 November 2020 (23 Rabiulawal 1442H - 29 Rabiulawal 1442H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
10 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.55 am	12.58 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
11 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.55 am	12.58 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
12 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.55 am	12.58 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
13 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.55 am	12.58 pm	4.20 pm	6.57 pm	8.10 pm
14 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.56 am	12.58 pm	4.20 pm	6.57 pm	8.10 pm
15 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.56 am	12.58 pm	4.20 pm	6.57 pm	8.10 pm

Speaker DUN tinjau lokasi hakisan pantai

TANJUNG BIDARA - Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh meluangkan masa melawat lokasi hakisan pantai yang sedang dibaik pulih di kawasan Permata Chalet di Pantai Pengkalan Balak baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk

Md Rawi Mahmud.

Pantai Pengkalan Balak merupakan antara pantai yang terjejas akibat hakisan.

Baru-baru ini Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali dilaporkan telah memohon lebih RM30 juta dari kementerian berkaitan bagi menangani isu hakisan pantai di Melaka.



AB Rauf meluangkan masa melawat lokasi hakisan pantai yang sedang dibaik pulih di kawasan Permata Chalet di Pantai Pengkalan Balak, baru-baru ini.

Peniaga perlu patuh SOP



PENIAGA wajib mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Liana Sahabudin

RIM - "Kita akan pastikan peniaga patuhi prosedur operasi standard (SOP), jika ingkar mereka tidak boleh bermula," tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim, Datuk Wira Ghazale Muhamad.

Menurutnya, kesemua peniaga di negeri ini perlu mematuhi SOP ditetapkan termasuk memakai pelitup muka semasa berurusan dengan pelanggan.

"Kalau tidak ikut arahan kita tak bagi mereka niaga, jadi kita beri nasihat jika mereka ingkar SOP minggu berikutnya tidak boleh niaga.

"Saya akan nasihatkan peniaga semasa pantauan, majoriti mereka mengikuti SOP selepas menerima teguran," katanya selepas melawat Pasar Tani Jasin di sini, baru-baru ini.

Katanya terdapat lebih 50 peniaga kecil yang masih meneruskan perniagaan di Pasar Tani Jasin pada setiap hari Rabu dan Sabtu.

"Kita hadkan hanya 50 pengunjung pada satu-satu masa mengikut bilangan peniaga di sini.

"Sebelum masuk pengunjung perlu ikut laluan khas bagi memeriksa suhu badan, isi butiran dalam buku log, scan Kod QR dan menggunakan sanitizer.

"Jarak peniaga juga kita tetapkan empat kaki antara satu sama lain bagi memastikan penjarakan sosial turut dipatuhi," katanya lagi.



GHAZALE bersama pengunjung yang hadir ke Pasar Tani Jasin, baru-baru ini.



JAPERUN SUNGAI UDANG
SUNGAI UDANG DUN KU SAYANG | BERKAT . TEPAT . CEPAT
Hari Diwali
PROGRAM PENYAYIAN SUMBER ALI DUN SUNGAI UDANG
TARIKH : 8 NOVEMBER 2020 (AHAD)
WAKTU : 11.30 PAGI
LOKASI : DUN SUNGAI UDANG
PENGURUSAN BANJIR DAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI, DATUK SERI UTAMA IR DRIS HARON
DATUK SERI UTAMA IR DRIS HARON
PENGURUSAN BANJIR DAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI, DATUK SERI UTAMA IR DRIS HARON

MENJELANG sambutan Deepavali yang bakal disambut oleh masyarakat India pada 14 November ini, pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Sungai Udang telah menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai dan kit makanan kepada masyarakat India yang memerlukan dalam kawasan DUN tersebut.

Sumbangan tersebut telah disampaikan sendiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Udang merangkap Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron pada 8 November lepas.

Diadakan di Dewan JAPERUN Sungai Udang, seramai 35 penerima telah terima sumbangan itu.



Lokasi Empangan Jerneh dalam Melaka

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Pembinaan Empangan Jerneh di Alor Gajah bagi mengatasi isu kekurangan bekalan air tidak akan ditangguhkan lagi selepas isu yang timbul membabitkan lokasinya pembinaan diselesaikan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, perkembangan pembinaan empangan itu positif, selepas tertangguh akibat lokasi pembinaan yang terkejau dari sempadan Melaka.

Beliau berkata, bagaimanapun isu itu sudah selesai dan pembinaan empangan itu keseluruhan berada di dalam Melaka.

"Kita ada isu kerana lokasi pembinaan termasuk dalam tanah Negeri Sembilan dan sekarang kawasan berubah tiada kena mengena lagi dengan mereka, keseluruhan pembinaan di dalam Melaka."

"Sekarang sudah tiada isu, kita mahu proses sebut harga dibuat secepat mungkin kerana perubahan hanya membabitkan kawasan (lokasi pembinaan) tetapi keluasan pembinaan tidak berubah sama seperti yang dirancang pada

peringkat awal," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, tawaran sebut harga projek pembinaan itu dijangka akan dilakukan pada penghujung November selain mengambil masa 30 bulan.

"Kita harap hujung bulan hadapan 'ditenderkan' dan diharap dapat dijalankan terus. Dalam 30 bulan sudah dapat disiapkan."

"Kita tidak mahu ditangguhkan lagi yang penting ianya dapat dilaksanakan, susulan ada perubahan pada lokasi awal kemungkinan kos akan ada perubahan," katanya.



GHAFaar

Tauliah dan iktiraf JP

Afieza Arshad

AYER KEROH - Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh mahu kerajaan negeri mentauliah dan mengiktiraf Majlis Jaksa Pendamai Negeri Melaka (MJPNM).

Katanya, peranan dan jasa yang dimainkan persatuan ini bukan sedikit, bahkan sebelumnya, Jaksa Pendamai (JP) turut diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau lagi kegemilangan JP mula mengalami sekatan akibat salah faham dan tindakan beberapa pemimpin terdahulu yang tidak membuat keputusan rasional hingga akhirnya merugikan semua pihak.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) pada tahun 2010 pernah memutuskan agar perkhidmatan JP diwujudkan di setiap kompleks Japerun seluruh Melaka memandangkan ahli-ahli JP pada masa itu telah melaksanakan peranan dengan baik dan perkhidmatan yang sangat dibanggakan.

"Bagaianapun kemelut yang dialami JP sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga diharap dapat ditamatkan memandangkan kerajaan pemerintah hari ini juga turut menjalin kerjasama dengan JP khususnya dalam menjaga ke-

bajikan rakyat dan masyarakat.

"Sejurusnya saya selaku ahli JP juga menzahirkan perasaan bangga dengan pencapaian-pencapaian JP sepanjang sesi lepas atas usaha dan kerja keras barisan ahli-ahlinya," kata-

Rauf berkata demikian semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agong MJPNM kali ke-40, baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden MJPNM Amir Hamzah Abd Aziz, Timbalan Presiden MJPNM Syed Azmi Ahmad dan mantan Presidennya Datuk Ab. Rahim Abu.

Kata beliau lagi, berbagai aktiviti telah dilaksanakan dan ini membuktikan bahawa MJPNM merupakan pertubuhan yang sentiasa aktif dan berjaya melaksanakan program-program yang berimpak tinggi.

"Selain itu, saya juga berharap ada inisiatif yang lebih baik dengan pelaksanaan pelbagai program dengan komitmen yang berterusan daripada jawatankuasa baharu agar dijadikan garis panduan yang berguna kepada semua."

"Selain itu, program-program yang bakal dilaksanakan juga diharap dapat dijadikan satu platform bagi menghubungkan dan merapatkan silaturrahim antara satu sama lain," katanya.

II Selain itu, program-program yang bakal dilaksanakan juga diharap dapat dijadikan satu platform bagi menghubungkan dan merapatkan silaturrahim antara satu sama lain. **II**



AHLI-ahli JP bergambar bersama Ab Rauf selepas menyampaikan cenderahati kenangan sempena Mesyuarat Agong MJPNM kali ke-40, baru-baru ini.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

Pengarang Kanan
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK Ketua
HANALIZA JUMINGAN
jotshoot@melakahariini.my

Pengarang
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondame87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI
nur_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

Penolong Pengarang
AHMAD FUAD RAMDAN
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN
aizat.syamil65@melakahariini.my

PEMASARAN

Pengurus
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL
Eksekutif
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

MELAKA TV
Ketua
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my

Wartawan Penyiaran
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my

Jurukamera
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

SITI NAJIHA ABDULLAH
eihanajiha0@melakahariini.my

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

Perbadanan Bioteknologi Melaka lancar produk antiseptik

PBM juga memperkenalkan pelitup muka, mempunyai keupayaan menapis bakteria (Bacteria Filtration Efficiency) yang melebihi 98%. Pelitup muka ini melepas standard ujian EN 14683:2019 yang khusus kepada keperluan spesifik untuk 'medical face mask' serta mempunyai (Conformite Europeenne) CE Marking.



MEI Ghee mempersembahkan produk 'hand sanitizer', cecair antiseptik (disinfectant solution), produk pelitup muka dan sabun pencuci tangan keluaran PBM kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan di Seri Negeri pada 2 November lepas.

MOTAC Melaka selami masalah pemain industri

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Melaka komited menggiatkan usaha membantu pemain industri pelancongan kembali bangkit memulihkan sektor berkenaan selepas pandemik COVID-19 berakhir nanti.

Pengarahnya, Yeow Chin Chai berkata, antara usaha yang dijalankan buat masa ini ialah mengadakan sesi dialog secara berterusan dengan semua yang terlibat bagi mendengar permasalahan, selain memikirkan cara untuk membantu.

"Kita sentiasa mendengar apa juar permasalahan dan hasrat yang dilontarkan daripada pihak persatuan kepada pihak persatuan."

"Dari semasa ke semasa kita akan terus mengadakan mesyuarat, perjumpaan dan sesi dialog bersama penggiat industri untuk kita membantu membangunkan semula sektor pelancongan pasca COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program

Libat Urus MOTAC dan Melaka Hari Ini (MHI) bersama Persatuan-Persatuan Pelancongan Melaka di Bangunan MOTAC, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi MHI Anuar Shaari dan 50 wakil Persatuan-persatuan Pelancongan Melaka.

Dalam sesi libat urus itu, MHI telah memperkenalkan tawaran promosi pengiklanan kepada pemain industri pelancongan negeri ini untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan mereka kepada orang ramai.

Chin Chai berkata, pakej pemasaran dan promosi yang diperkenalkan itu sangat penting kepada pengusaha hotel, inap desa dan agensi pelancongan di negeri ini dalam usaha menarik semula kehadiran pelancong domestik ke negeri ini.

Ujarnya, melalui penganjuran tersebut, diharap semua persatuan yang ada di Melaka dapat bersatu dan berganding bahu menggiatkan aspek promosi bagi melihat sektor pelancong kembali berkembang.



CHIN Chai (kiri) bersama Anuar (tengah) menyampaikan cenderahati kepada wakil Persatuan-persatuan Pelancongan Melaka yang hadir ke sesi libat urus di Bangunan MOTAC.

AYER KEROH - Sebagai usaha membendung penularan wabak COVID-19, Perbadanan Biotechnologi Melaka (PBM) telah mengambil inisiatif memperkenalkan produk 'hand sanitizer' dan cecair antiseptik (disinfectant solution).

Selain dua produk tersebut, PBM turut memperkenalkan produk pelitup muka dan sabun pencuci tangan yang dilihat sebagai barang kerap digunakan orang ramai dalam usaha membendung wabak pembunuhan itu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali telah menyempurnakan sendiri gimik pelancaran setiap produk tersebut di pejabatnya di Seri Negeri pada 2 November lepas.

Sulaiman menerusi kenyataan di Facebook rasmi menjelaskan, beliau percaya langkah PBM memperkenalkan setiap produk itu adalah tepat pada masanya dalam usaha membendung wabak COVID-19 dari terus menular.

"Saya percaya pengenalan produk oleh PBM yang berdaftar dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini adalah satu langkah tepat dan penting dalam tempoh kita membendung wabak COVID-19,"

katanya.

Hadir sama dalam majlis gimik pelancaran itu Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan dan Ketua Pegawai Eksekutif PBM, Tee Mei Ghee.

Sementara itu, PBM menjelaskan setiap produk tersebut adalah berdaftar dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Untuk cecair antiseptik, PBM memperkenalkan 2 varian iaitu yang berasaskan alkohol serta cecair antiseptik yang bebas alkohol. Untuk cecair antiseptik yang bebas alkohol, kandungan bahan aktifnya ialah benzalkonium chloride, dan juga silver chloride. Kedua-dua bahan aktif ini adalah seperti saranan pihak Bahagian Regulatori Farmasi Negara (KKM), dan mempunyai ciri-ciri 'antimicrobial' dan mampu menghapuskan mikroorganisma berbahaya termasuk virus SARs-CoV-2."

"Bagi produk hand sanitizer pula mempunyai kandungan alkohol sebanyak 75 peratus, dan telah berdaftar dengan pihak KKM. Ia juga mengandungi minyak pati pudina sebagai haruman, dan juga aloe vera yang berfungsi untuk mengekalkan kelembapan apabila digunakan. Ujian makmal juga telah dijalankan.

kan serta terbukti secara saintifik berjaya membunuh kuman berbahaya sebanyak 99.9 peratus.

"Selain daripada hand sanitizer dan cecair antiseptik, pihak PBM juga memperkenalkan pelitup muka, mempunyai keupayaan menapis bakteria (Bacteria Filtration Efficiency) yang melebihi 98%. Pelitup muka ini melepas standard ujian EN 14683:2019 yang khusus kepada keperluan spesifik untuk 'medical face mask' serta mempunyai (Conformite Europeenne) CE Marking. Pelitup muka ini didatangkan dalam jenis 'ear loop', dengan beberapa pilihan warna yang menarik dan boleh dipadankan dengan pakaian harian, iaitu biru lembut, merah jambu, hijau, ungu dan 'turquoise',"

Jelas kenyataan rasmi PBM. Melalui pengenalan produk-produk antiseptik tersebut, PBM berharap orang awam akan lebih menyedari akan kepentingan penggunaannya dalam membendung wabak COVID-19.

Sebarang pertanyaan mengenai produk antiseptik, atau lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak PBM, bolehlah menghubungi PBM di talian 06-2313622 atau email info@mib.gov.my.

PERINGATAN

COVID-19 #KitiTeguhKitaMenang

Bersama Hentikan Wabak Covid-19

PEMILIK PREMIS

- 01 Pastikan pengunjung melakukan saringan suhu dan scan QR code melalui aplikasi MySejahtera.
- 02 Sekiranya tidak dapat menyediakan QR code, pastikan pengunjung merekodkan kehadiran di dalam buku.
- 03 Sekiranya pengunjung bergejala atau berisiko tinggi, tidak dibenarkan masuk ke dalam premis.

ORANG AWAM

- 01 Pastikan setiap kali kunjungi premis lakukan saringan suhu dan scan QR Code melalui aplikasi MySejahtera atau jika tiada QR Code, rekod butiran diri dalam buku.
- 02 Membuat penilaian risiko dari semasa ke semasa.

Reruai saringan COVID-19 rangkul pingat emas

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merangkul pingat emas dan Anugerah Khas (Euro Haller Business Award) pada Malaysia Technology Expo (MTE) 2020, menerusi projek reruai saringan COVID-19 yang dibangunkan bersama pihak industri, baru-baru ini.

Manakala, produk pelindung muka dikenali 'UTeM Face Shield' dihasilkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembutan (FTK MP) memenangi Anugerah Merit.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, pernyataan itu bagi menghargai

semua inovasi terhadap pandemik COVID-19 merangkumi pelbagai kategori.

Katanya, kejayaan itu menggambarkan peranan UTeM bersama komuniti dalam negara dan peringkat dunia bagi mengekang pandemik tersebut.

"Reruai ini mengurangkan beban doktor di samping selamat digunakan kerana dilengkapi penapis ULPA yang mempunyai tahap kefisienan tinggi menapis zarah bersize 0.12 micron.

"Ia juga dilengkapi mikrofon tanpa wayar untuk komunikasi antara doktor dan pesakit serta lampu dan penghawa dingin untuk keserasian doktor menjalankan tugas," katanya.

MTE 2020 Edisi Khas,

Anugerah Inovasi Antara bangsa COVID-19 ini diadakan secara atas talian pada 30 September hingga 2 November lalu.

Katanya, projek itu dibangunkan dengan kerjasama rakan industri, AFA Technologies Sdn. Bhd. dan ALPRO Engineering Sdn. Bhd. dan pembangunan reruai mengambil masa selama tiga bulan.

"Projek ini melibatkan penyelidik UTeM diketuai Pengarah Pusat Hubungan Industri UTeM, Prof Dr. Kok Swee Leong dan Prof Dr. Zahriladha Zakaria.

"Di samping memenangi pingat emas, produk ini turut terpilih bagi menerima Anugerah Khas (Euro Haller Business Award)," katanya lagi.

“Reruai ini mengurangkan beban doktor di samping selamat digunakan kerana dilengkapi penapis ULPA yang mempunyai tahap kefisienan tinggi menapis zarah bersize 0.12 micron.”



ANTARA kakitangan UTeM dan pihak industri yang menjayakan projek reruai saringan COVID-19.

Banjir kilat Hasrat ambil anak terbantut



MOHD Fadzir memeriksa kedalaman paras banjir di laluan masuk ke Kampung Titian Bintangor, Lubok China

Din Ahmad

AYER LIMAU - Hasrat seorang bapa ingin mengambil dua anaknya di kediaman ibunya di Kampung Titian Bintangor, Lubok China, tergenda akibat banjir pada 4 November lepas.

Anggota polis bantuan, Mohd Fadzir Mohd Isa, 37, mahu mengambil dua anaknya untuk dibawa pulang sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dimulakan dalam Daerah Seremban, Negeri Sembilan pada 5 November lepas tetapi terbantut akibat banjir.

Mohd Fadzir menghadapi masalah untuk melalui lorong kecil di laluan masuk ke Kampung Titian Bintangor, Lubok China dekat sini berikut ia dinaiki air setinggi satu

meter.

Ia menyebabkan kereta Proton Saga dipandunya gagal melepas laluan berkenaan.

"Saya tinggalkan dua anak lelaki berusia sembilan dan 11 tahun di kediaman ibu saya di kampung itu dua minggu lalu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) dimulakan di mukim Nilai di tempat tinggal saya di Kampung Godong Jaya, Sendayan.

"Sebelum PKPB dimulakan di Daerah Seremban malam ini, saya perlu membawa anak saya pulang tetapi saya terkejut apabila tiba di laluan masuk ke kampung, air sudah naik" katanya.

Beliau berkata, laluan itu tidak mampu diredah dengan kenderaannya kerana mengetahui laluan yang

akan dilalui itu dalam dan merbahaya buat kenderaan kecil berdasarkan pengalamannya ketika membesar di kampung itu.

Sehubungan itu, beliau terpaksa menunggu hingga air surut sebelum meredahnya semata-mata untuk memastikan kedua-dua anaknya mampu dibawa pulang ke Sendayan.

Penduduk kampung itu, Mokhtar Abu Bakar, 46, berkata air naik mulai jam 10 pagi berikutkan hujan lebat di hulu sungai dalam Daerah Rembau, Negeri Sembilan.

"Hujan lebat di kampung ini bermula jam 12 tengah malam dan reda setengah jam kemudian tetapi kawan saya di Rembau yang menghubungi saya memberitahu hujan lebat di kawasan itu pada awal pagi lagi," katanya.

“Saya hanya mampu berdoa isteri kembali sihat”

TANJUNG BIDARA - "Saya hanya mampu berdoa semoga Allah SWT mengembalikan kesejahteraan kesihatan isteri yang terpaksa menjalani rawatan di ICU," kata Maarif Mohamad, 58.

Beliau berkata, tiada apa yang mampu dilakukannya selain bersejalah kepada Allah dan berharap kesihatan isterinya kembali sejahtera melalui rawatan diberikan doktor di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Melaka.

Isterinya, Siti Rohani Senin, 54, yang bekerja di kilang memproses ayam di kawasan perindustrian Masjid Tanah, di sini terhido gas ammonia bocor di kilang berkenaan kira-kira jam 8.15 malam baru-baru ini.

Beliau berkata, doktor memaklumkan kepadanya, isterinya mengalami masalah untuk bernafas dengan sempurna akibat terhido gas berkenaan.

"Saya hanya mampu berdoa semoga Allah SWT mengembalikan kesejahteraan kesihatan isteri selepas terpaksa menjalani rawatan di ICU," katanya di Kampung Padang Kemunting, di sini semalam.

Anaknya, Hafifi, 22, berkata dia dan kakaknya terpaksa menjaga ibunya secara bergilir-gilir di luar ICU bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"Saya jaga pada sebelah malam, manakala kakak jaga sebelah siang bagi mengikuti perkembangan rawatan ibu dari semasa ke semasa," katanya.

Dalam kejadian 8.15 malam itu, Siti Rohani yang sudah 20

tahun bekerja di kilang berkenaan di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah, dekat sini dikehjarkan ke hospital akibat terhido gas ammonia yang bocor.

Hafifi yang menerima panggilan daripada sepupunya yang turut bekerja di kilang itu pada jam 8.20 malam kelmarin, bergegas datang ke kilang ketika semua pekerja dalam keadaan kelam-kabut keluar dari kilang bagi mengelak terhido gas.

Dia membawa ibunya ke Klinik Kesihatan Masjid Tanah sebelum dibawa dengan ambulans ke Hospital Melaka berikutnya keadaannya yang agak serius.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka (JBPM) Penolong Pengguna Bomba Soon We Kiang dilaporkan berkata, seramai 12 anggota Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) dan 10 anggota bomba dari Masjid Tanah dan Alor Gajah mendapat terdapat pencemaran bau gas ammonia.

Bagaimanapun kebocoran itu sudah ditutup pihak pengurusan kilang dan operasi pasukan bomba berjaya mengawal keadaan pada jam 9.25 malam sebelum ditamatkan pada jam 5.31 pagi kelmarin, katanya.

Beliau berkata, Komander HAZMAT melaporkan bacaan 'Background 52 KPS Ammonia' dan selepas memastikan lokasi kejadian bebas daripada bau gas serta tiada risiko berbahaya dan pasukan bomba meninggalkan lokasi pada jam 5.58 pagi.



* **FENOMENA** air Sungai Melaka bertukar kotor berlaku hampir setiap tahun kerana air empangan terpaksa dilepaskan bagi mengelak limpahan yang menyebabkan banjir kilat.

Fenomena setiap tahun

Sampah dari empangan cemari Sungai Melaka

Saliawati Salberi

KOTA LAKSAMANA - Bukan sahaja bertukar warna seakan 'air teh' malah Sungai Melaka turut dipenuhi sampah sarap, sekali gus mencacatkan keindahan pemandangan di sekitar jeti Melaka River Cruise (MRC) di Pengkalan Rama.

Selain timbunan sampah sarap kelihatan juga ikan-ikan timbul di permukaan sungai dipercayai akibat kekurangan

oksigen.

Bagi Norhanim Lajim, 30, berkata, dia yang melalui kawasan itu untuk aktiviti berbasikal bersama rakan-rakan turut terkejut apabila melihat air sungai tidak seperti selalu malah bertukar menjadi kotor.

Katanya, walaupun sebelum ini ada juga kelihatan sampah tetapi keadaan pada kali ini amat berbeza sekali.

"Boleh dikatakan setiap hari saya akan melalui kawasan

ini untuk berbasikal tetapi hari ini memang terkejut dan sedih melihat keadaan seperti ini.

"Bukan hanya sedih melihat keadaan ikan yang tercungap-cungap menunggu masa untuk mati tetapi turut bersimpati dengan kerja yang akan dilakukan oleh petugas yang akan membersihkan sungai itu nanti," katanya.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pantai dan Sungai Melaka

(PPSPM) Datuk Murad Husin berkata, fenomena air Sungai Melaka bertukar kotor hampir setiap tahun kerana air empangan terpaksa dilepaskan bagi mengelak limpahan yang menyumbang kepada berlakunya banjir.

Beliau berkata, apabila air di Empangan Batu Hampar terpaksa dilepaskan ia turut membawa sampah sarap daripada atas.

"Apabila dilepaskan air

akan turun ke bawah tempat MRC bersama benda kotor dan apabila air kotor bercampur dengan air yang baik ok-sigen di dalam air berkurang.

"Walaupun fenomena kali ini tidak seteruk sebelumnya, pihak kami sudah arah-kan kerja pembersihan dilakukan segera dengan membuat segala sampah sarap yang dibawa," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Beliau berkata, keadaan

air Sungai Melaka akan kembali pulih dalam tempoh terdekat sekiranya cuaca tidak hujan.

"Kalau kata tiada hujan dalam tempoh sehari dua, air akan kembali bersih seperti biasa."

"Apabila yang sering berlaku, apabila berlaku hujan di kawasan hulu sungai dan disini tidak hujan, air akan turun kebawah menyebabkan paras empangan tinggi," katanya.

Pelanggan kini lebih berhati-hati

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Penularan pandemik COVID-19 yang menuntut pembudayaan norma baharu dalam kehidupan masyarakat seluruh dunia membuka peluang kepada peniaga kecil.

Meskipun pada awalnya ramai yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun kini ia sudah menjadi kebiasaan buat para peniaga dalam norma baharu.

Seorang peniaga, Sahabudin Saad, 56, berkata, jika dahulu pelanggan bebas dan bersahaja datang ke kedai untuk menjamu selera, namun sekarang situasinya lebih berbeza.

"Amalan norma baharu menjadikan pelanggan lebih berhati-hati ketika datang ke kedai, mereka akan imbas Kod QR atau tulis dalam buku log yang disediakan.

"Bukan itu saja, pemakaian pelitup muka juga turut digunakan pelanggan bagi memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi," katanya.



SAHABUDIN



MOHD FAUZI

Amalan norma baharu

- Imbas Kod QR.
- Tulis dalam buku log yang disediakan.

Katanya, sebagai peniaga dia juga akan mengingatkan pelanggannya menjamu selera dengan memastikan jarak antara satu sama lain.

Manakala, Mohd Fauzi Dzulkiflee, 36, pula berkata walaupun norma baharu diterapkan, namun pelanggan masih mengikuti arahan yang ditetapkan.

"Bila waktu puncak memang ramai yang datang kedai makan, tapi kita dapat lihat mereka akan pakai pelitup muka dan imbas Kod QR atau tulis dalam buku log.

"Sebagai peniaga saya juga sentiasa pastikan segala SOP dipatuhi dan ia sudah menjadi amalan kepada setiap peniaga di negeri ini," katanya.

Mohd Fauzi berharap supaya orang ramai dapat mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan bagi memastikan pandemik COVID-19 beransur pulih.



ORANG ramai masih mematuhi SOP yang ditetapkan.



EFFENDY (tengah depan) bergambar bersama asset APM yang baru diterima daripada NADMA, baru-baru ini.

APM Melaka terima asset baharu hadapi banjir

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka menerima lapan bot 'fiberglass' daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi kesiapsiagaan agensi itu menghadapi musim Monsun Timur Laut bermula November hingga Mac.

Pengarah APM Negeri Melaka Letjen Kolonel (PA) Effendy Ali berkata, dua bot itu masing-masing akan diserahkan ke Daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin, manakala satu bot diserahkan kepada Unit Masjid Tanah dan Unit Selandar.

Katanya, lapan buah itu menjadikan jumlah keseluruhan bot bagi membantu mangsa bencana berjumlah 18 unit.

"Semua bot ini dilengkapi dengan enjin, jaket keselamatan, pedal serta tali dan ia merupakan bot kecil yang sesuai untuk kegunaan pada paras air yang tidak tinggi dan tidak deras.

"Jadi, ia boleh membantu mangsa dalam menghadapi bencana banjir terutama banjir kilat," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Penyerahan Bot Fiberglass di Bang-

unan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Effendy berkata, seramai 300 anggota bersiap sedia menghadapi kemungkinan bencana banjir pada musim monsun Timur Laut itu.

Jelasnya, pihaknya turut mengaktifkan kesiapsiagaan asset APM iaitu lima lori dan lapan pacuan empat roda dalam menghadapi bencana itu.

"Semua anggota ini berada dalam keadaan aktif yang boleh dipanggil pada bila-bila masa dan bersiap sedia dalam tempoh 24 jam," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menzhirkan terima kasih kepada agensi penguatkuasaan dan keselamatan kerana membantu APM sebagai Sekretariat Pengurusan Bencana negeri.

"Dalam pada kita memberi bantuan, agensi terlibat seperti pihak polis, tentera dan bomba serta Pengurus Sekretariat Pengurusan Banjir Negeri iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan Sekretariat Pengurusan Banjir Daerah yang diketuai Pegawai Daerah sentiasa memberi kerjasama yang baik," katanya.



EDISI 9 NOVEMBER 2020 -15 NOVEMBER 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Hari Keluarga rai penghuni KAYFAZ

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) meraikan penghuni Kompleks Anak Yatim Fatimah Al-Zahrah (KAYFAZ) dengan mengadakan Program Hari Keluarga baru-baru ini.

Program sehari itu diselaraskan oleh pihak pengurusan kompleks berkenaan dan penganjuran hanya tertumpu kepada penghuni dan kakitangan kompleks.

Pemurnian jiwa dan aktiviti sukaneka merupakan antara program yang diadakan bagi memberi ruang kepada anak-anak penghuni KAYFAZ menikmati ruang masa yang ada bagi menyemai semangat kekitaan dalam keluarga.

Program tahunan berkenaan diadakan di dalam kompleks itu berikutnya masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berikutan penularan pandemik Covid-19 yang masih ada di negara ini.

Aktiviti Hari Keluarga ini juga memberi ruang kepada mereka untuk meluangkan masa terluang bersama rakan-rakan di samping mengeratkan lagi ukhuwah silaturahim yang terjalin sejak sekian lama.



ANAK-ANAK KAYFAZ ceria meraikan Hari Keluarga bersama kakitangan.

// Pemurnian jiwa dan aktiviti sukaneka merupakan antara program yang diadakan bagi memberi ruang kepada anak-anak penghuni KAYFAZ menikmati ruang masa yang ada bagi menyemai semangat kekitaan dalam keluarga. //

Kegembiraan yang terpancar di wajah anak-anak yatim ini memberi gambaran keceriaan dalam diri meskipun segala kekurangan dan masalah yang ada dalam keluarga mereka.

MAIM turut menyambut baik kepada mana-mana agensi korporat dan swasta untuk sama-sama menyumbang idea dan pandangan serta meraihkan anak-anak yatim ini dengan aktiviti yang boleh dimanfaat bersama.

Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim hadir merasmikan program berkenaan bersama Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat MAIM, Shakina Mohd Said dan Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safuraa Alim.

Kompleks berkenaan merupakan asrama penempatan bagi anak-anak yatim fakir dan miskin di negeri ini dan urus tadbir dikendalikan melalui MAIM yang menyediakan pelbagai

kemudahan tambahan kepada penghuni antaranya penyediaan makanan yang berkualiti serta kelas pelajaran yang tersusun.

Misi KAYFAZ jelas iaitu adalah memberi kehidupan yang harmoni disamping membimbing mereka dalam pembentukan sahsiah diri yang mantap dengan ilmu pengetahuan serta penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.



ARINA menyampaikan cenderahati kepada Ikram.



TINJAUAN oleh Unit Wakaf MAIM di Kariah Masjid Kampung Gelam di Tanjung Keling berkaitan permohonan tambahan tanah perkuburan Islam di kawasan berkenaan. Ketua Unit Wakaf MAIM, Nasri Buchik turut hadir bersama ahli jawatankuasa masjid kariah melakukan lawat siasat ke tapak tanah bagi mengenal pasti kedudukan tanah yang lebih tepat.

Ke Manakah
Wakaf Anda?



Jam Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka

Bayaran
Wakaf
Serendah
RM 2.00
Sahaja



Pengambilan/Pembelian
Lot Tanah Bagi Tujuan
Keagamaan



Pembangunan
Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI
SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET
BOOST

Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter
Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



MUFTI Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil hadir mempengerusikan Bengkel Manual Pengurusan Harta Pusaka Baitulmal bagi memperhalusi semakan tatacara urustadbir perkara berkenaan dengan lebih teliti. Kepatuhan pemakaian manual berkenaan mengikut hukum syarak menjadi keutamaan bersama dalam memastikan pengurusan harta pusaka Baitulmal dapat laksanakan dengan sebaiknya. Hadir sama, Pengurus Baitulmal MAIM, Mohd Sharif Somathulla.



CAKNA SIHAT...
Sebahagian kakitangan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) membuat saringan kesihatan bagi memastikan tahap kesihatan yang ada mencapai piawai yang ditetapkan bagi mengekalkan tahap prestasi terbaik dalam melaksanakan tugas harian.



PEMUTIHAN dan kenal pasti tanah Baitulmal seluruh negeri secara berperingkat telah dilaksanakan oleh Seksyen Mal Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) diketuai Ketua Seksyen MAL MAIM, Rohaizah Abas dan Pegawai Tanah MAIM, Effandi Othman Kamal Shah. Pelbagai pelan pembangunan jangka masa panjang sedang dirangka bagi memastikan keupayaan manfaat tanah-tanah Mal dapat direalisasikan demi manfaat bersama umat islam di negeri ini.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/majlisagamaislammelaka) **Facebook** | [facebook/maimmelaka](https://facebook.com/maimmelaka)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Ihsan adalah nilai kualiti dalam ibadah

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

AGAMA ini tidak mengukur besar dan banyak sesuatu amalan, akan tetapi mementingkan kualiti ibadah yang dilakukan adalah menepati kehendak Allah yang menciptakan manusia.

Ibadah di dalam Islam tertakluk kepada dua perkara penting. **Pertamanya** adalah Ibadah yang dilakukan adalah ibadah yang sahif di sisi Allah yang mana ianya mestilah bersangkutan atau benar-benar datangnya dari baginda nabi Muhammad sebagai utusan Allah kepada manusia. **Kedua**, ibadah itu dilakukan dengan ikhlas kerana Allah tanpa ada sebab-sebab lain seseorang manusia muslim itu melakukannya. Kedua perkara ini adalah menjadi sebab ibadah yang dilakukan itu diterima oleh Allah.

Ihsan merupakan perkara yang wajib dalam beribadah. Tidak kira apa sahaja ibadah solat, puasa, haji, zakat dan sebagainya memerlukan sifat ihsan di dalamnya agar ibadah itu mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah. Rasulullah pernah bersabda mengenai sifat

|| Ihsan merupakan perkara yang wajib dalam beribadah. Tidak kira apa sahaja ibadah solat, puasa, haji, zakat dan sebagainya memerlukan sifat ihsan di dalamnya agar ibadah itu mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah. ||

ihsan itu sepetimana dalam sebuah hadis, "Allah mewajibkan sifat ihsan itu kepada setiap sesuatu. Jikalau kamu hendak membunuh binatang, maka lakukan dengan cara yang baik. Apabila kamu hendak menyembelih, maka lakukan dengan sembelihan yang baik. Kamu perlu menjamkan pisau dan merehatkan binatang yang hendak disembelih." (**HR Imam Muslim**).

Islam tidak menganggap pelaksanaan yang baik sudah mencukupi sebaliknya Al-

Quran menganjurkan supaya sesuatu amalan itu dilakukan dengan cara yang paling baik. Sesuatu ibadah itu tidak cukup jika sekadar dilakukan dengan adab yang paling baik dalam pelaksanaannya, kerana apa yang paling penting adalah hati yang ikhlas dan mempunyai sifat ihsan dalam melakukan sesuatu itu. Allah SWT berfirman:

Yang bermaksud: "Dan turutlah - Al-Quran - sebaik-baik (panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya. " (**Surah Az-Zumar 39: Ayat 55**)

Ramai orang yang bersolat, tetapi solatnya tidak diterima kerana kecuaianya di dalam solat. Mereka lahir kerana hati yang tidak khusuk kerana Allah dan mempunyai sifat riak terhadap amalan tersebut. Ramai juga orang melaksanakan puasa Ramadan, tetapi tidak diterima kerana mereka sekadar me-nahan lapar dan dahaga tapi tidak menjaga akhlak berpuasa.

Begitu juga mereka yang mengeluarkan zakatnya dengan jumlah yang banyak tetapi tidak diterima kerana harta itu dikeluarkan dengan rasa keterpaksaan dan dalam keadaan keba-khilan. Mereka juga mungkin mengeluarkan zakat tersebut atas dasar keduniawan seperti mengeluarkannya atas niat mengelakkan cukai dari pemerintah atau lain-lain sebab. Allah SWT berfirman:

Yang bermaksud: "Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesar kan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya." (**Surah Al-Hajj 22: Ayat 37**)

Semua amalan ini adalah berkait dengan amalan hati. Allah tidak melihat berapa banyak rakaat solat-solat sunat yang kita lakukan.

Tidak juga berapa banyak hari kita sele-saikan berpuasa Isnin dan Khamis. Tidak juga Allah menilai berapa jumlah wang yang kita keluarkan zakat kita atau berapa kalikah kita laksanakan umrah dan haji setiap tahun. Akan tetapi menilai sesuatu itu berdasarkan keikh-lasan kita dan sifat ihsan yang disertakan di dalam amalan tersebut.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43 ZAKAT MELAKA atau melayari laman web untuk info lanjut.



CARA PENGHAYATAN IHSAN DALAM KEHIDUPAN

- Menyembah & Beribadah kepada Allah SWT
- Memelihara Kesucian Aqidah Tidak Terbatal Menggerjakan Ibadah Fardhu Ain & Sunat
- Hubungan Baik Dengan Keluarga, Tetangga & Masyarakat
- Melakukan Perkara-Perkara Yang Baik Mengamalkan Sifat-Sifat Mahmudah
- Bersyukur Atas Nikmat Allah SWT

CIRI-CIRI KELEBIHAN IHSAN

- * Mentaati perintah dan larangan Allah SWT dengan ikhlas
- * Senantiasa amanah, jujur dan menepati janji
- * Merasakan nikmat dan haus akan ibadah
- * Mewujudkan keharmonisan masyarakat
- * Mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT.

Hanya **2.5%**

Adakalanya Keinsafan Datang Tidak Kira Masa

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

1-300-88-0233 Zakat Melaka





PERJUMPAAN dan perbincangan pegawai MAIM bersama pewakaf Hamsiah Abd Latif berkaitan permohonan wakaf di atas lot 918 bagi keperluan tujuan tapak Surau di Kampung Sungai Sembilang, Mukim Umbai.



CAKNA KASIH...Skuad Balai Islam yang diketuai Penolong Setiausaha Bahagian, Mohd Hairulamin Mohd Sis menyantuni sebahagian keluarga saudara muslim di sekitar daerah Jasin baru-baru ini. Permasalahan dalam pendidikan anak-anak muallaf merupakan agenda utama keutamaan bahagian berkenaan bagi memberi peluang kepada mereka untuk mendapat pendidikan yang sempurna demi menjamin masa depan yang lebih baik.

FPX izakat.com

- > Isikan maklumat
- > Pilih jenis zakat & jumlah
- > Pembayaran melalui online banking

e-BAYAR

- > Daftar e-Bayar
- > Log masuk & Pilih bayaran secara terus
- > Pilih agensi (**ZAKAT MELAKA**)
- > Isikan maklumat
- > Bayar zakat
- > Selesai

Ejen Bank

- > Layari perbankan internet & log masuk akaun anda
- > Pilih bilier **"ZAKAT MELAKA"**

ZAKAT MELAKA

Jom PAY

- > Login Internet Bank
- > Pilih JomPAY
- > Masukkan Bilier Kod
- > Simpan Transaksi
- > Selesai

BILLER KOD

- 18226 - Wang Simpanan
- 18333 - Qadha' Zakat
- 18184 - Emas / Perak
- 18242 - Pendapatan
- 18200 - Permaisuri
- 18077 - Perlanian
- 10280 - Ternakan
- 18101 - Saham

JENIS-JENIS ZAKAT


- ZAKAT PENDAPATAN** (Icon: Cash)
- ZAKAT WANG SIMPANAN** (Icon: Savings account)
- ZAKAT KWSP** (Icon: KWSP logo)
- ZAKAT EMAS & PERAK** (Icon: Gold and silver bars)
- ZAKAT SAHAM** (Icon: Stock market chart)
- ZAKAT PERNIAGAAN** (Icon: Business person)
- ZAKAT TERNAKAN** (Icon: Farmer on a cow)
- ZAKAT PERTANIAN** (Icon: Rice field)




SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : BAHASA INGGERIS**

Formal Letter Format



Informal Letter Format



SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 1

Introduction to the Paper

Paper 1 of the 1119 SPM English is all about essay writing. You might have doubts about your writing skills as the first thing that might come to your mind is how you are going to write two essays within the limit time. **DO NOT** be anxious. Keep calm and master the **SKILLS** and **GUIDELINES** given.

This paper carries a significant portion of the marks for the whole paper, that is 85 marks. The paper consists of two sections, Section A and Section B. the questions in both the sections are **COMPULSORY**. Time allocated for this paper is 1 hour and 45 minutes.

Section A – Directed Writing

In Directed Writing section, candidates will not be offered a choice. The question will test the candidates' ability to respond appropriately to the task given. The content points are given as a guide to assist the candidates. Candidates are required to:

- Use the correct format
- Include all the given points in the question
- Elaborate on the points with relevant details. It is im-

portant to have a good imagination and creativity.

- NO lengthy explanations. Just **ONE** or **TWO** extra sentences are usually enough for elaboration.

Candidates may be asked to write any **ONE** of the following: a Formal Letter, an Informal Letter, an Article, a Report, a Speech or a Talk.

A total of 35 marks are allocated for this question. The allocation of marks is as follows:

Aspect	Marks
Format	3
Content	12
Language	20
Total	35

Candidates are advised to spend about 45 minutes on the guided composition.

DO NOT spend too long on this section as you will have less time for Section B which carries more marks. Try to complete this essay in a shorter time so that you will have 'bonus time' for Section B.

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 1

Introduction to the Paper

Paper 1 of the 1119 SPM English is all about essay writing. You might have doubts about your writing skills as the first thing that might come to your mind is how you are going to write two essays within the limit time. **DO NOT** be anxious. Keep calm and master the **SKILLS** and **GUIDELINES** given.

This paper carries a significant portion of the marks for the whole paper, that is **85 marks**. The paper consists of two sections, Section A and Section B. the questions in both the sections are **COMPULSORY**. Time allocated for this paper is 1 hour and 45 minutes.

Section B – Continuous Writing

In Continuous Writing section, candidates will be asked to produce a piece of writing in not less than 350 words. Can-

dicates are advised to spend about an hour (1 hour) on Continuous Writing. A total of 50 marks are allocated for this question. Candidates will be given a choice of one out of **FIVE** topics. The question will test the candidates' ability to produce a piece of writing based on the chosen topic. The topics usually cover the following areas :

- | | |
|-------------|---------------|
| Narrative | Argumentative |
| Descriptive | Factual |
| Reflective | |

In choosing the topic, it is suggested that candidates follow these two rules:

- i) Write on a subject which the candidates have experience and knowledge or one in which the candidates are particularly interested.
- ii) Write on a subject which gives the candidates a chance to do the type of

essay preferred. For example, some candidates are good in imaginative compositions while others are best at descriptive work.


The examiner will assess the candidates' ability to:

- * Be original.
- * Develop ideas and organise them into a well-structured composition.
- * Be interesting.
- * Have a good imagination and creativity.
- * Have varied sentence structure.
- * Have wide vocabulary.
- * Be grammatically correct and have accurate spelling.
- * Have an interesting opening and a good ending.
- * Arouse interest when writing on a subject, the originality of thoughts and the variety of ideas.

When writing the composition:

1. Read and understand all the questions given.
 - Choose a topic that the candidates are familiar with or confident about.
2. Prepare an outline of writing by listing down the main points.
 - It is advisable to spend only **15 minutes** on planning the composition.
 - Use the WH's and H questions like **WHO, WHAT, WHEN, WHY, WHERE** and **HOW**.
 - Plan the composition. The candidates can use the I-Think map to plan the composition.

Example of I-Think Maps



3. Draft out the composition and divide it into three main parts: Introduction, Body and Conclusion.

4. Write in grammatically accurate sentences that display a variety of sentence structures and wide vocabulary.

- ✓ It is advisable to spend only **35 minutes** on writing the composition.

- ✓ Write in NEAT handwriting.

- ✓ Write in paragraphs. Remember to vary the sentence structures. Use sentences varying in length and beginnings.

- ✓ Pay attention to the language. Use LIVELY words, sentences and variety adjectives or verbs. For example: **beautiful** is similar to pretty, gorgeous, attractive and lovely. Another example: **run** can be change to chase, dash, sprint or rush.

- ✓ **DO NOT** use the same verb or adjective over and over again as it will make the composition **MONOTONOUS** and **BORING**.

- ✓ Strong and vivid words give energy to the composition and allow the candidates to write more expressively.

- ✓ Use **CONJUNCTIONS** and **LINKERS** to connect ideas and create better sentences.

Conjunctions	Linkers
and	moreover
since	furthermore
but	besides

5. Read the composition and check for errors.

- ✓ It is advisable to spend only **10 minutes** on checking the composition.

- ✓ The composition will be graded according to its **CONTENT, QUALITY** and **ORGANISATION**.



- Seorang remaja Muslim apalagi Mukmin supaya kawalan diri sentiasa jadi pertimbangan bila melakukan sesuatu kerana remaja harus tahu hak dan batil, salah dan benar dan dosa dan pahala.

Remaja hari ini cerminan hari esok



PROF. DATUK DR. SIDEK BABA

REMAJA merupakan golongan penting dalam binaan masyarakat. Remaja mempunyai bakat yang perlu digilap supaya potensinya terserlah dan menyumbang kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Remaja perlukan ilmu, didikan, kemahiran dan akhlak supaya pembangunan potensinya terarah. Kalau dibiarkan bakat remaja dibentuk oleh persekitaran yang ada dengan pengaruh sosial media ianya dibimbangi watak yang santun dan matang tidak akan terbina.

PENTINGNYA DISIPLIN

Menjadi remaja yang beradab disiplin fizik harus diperkasa, disiplin hati harus disuburkan dan disiplin amal jadi cernaan hati

budi. Hati budi merupakan faktor penting kepada remaja kerana mengasihi ibu bapa berlaku, menyantuni jiran dan orang tua terjadi, prihatin kepada golongan miskin jadi perhatian dan membantu mereka yang susah dijadikan landasan. Jika ini terjadi dewasanya remaja dalam keadaan matang dan mempunyai jati diri yang tinggi memahami orang lain.

Hari ini kedapatan remaja yang amat terdedah dengan pengaruh luar yang tidak serasi dengan budaya tempatan apalagi Islam. Bagi mereka sesuatu yang datang dari Barat adalah maju. Kebebasan yang diamalkan dalam pergaulan sering melampaui batas ketimuran dan agama. Lalu remaja yang dididik berfikir ketimuran dan bera-gama dianggap ketinggalan zaman dan tidak maju. Kita tidak menentang Barat kerana ianya Barat, tetapi pengaruh pembaratan yang harus kita waspadai. Ada kemajuan sains dan teknologi dari Barat yang berguna untuk remaja pelajari.

SAINS DAN TEKNOLOGI

Ramai di kalangan kita menganggap sains dan teknologi dianggap menjawab semua masalah kehidupan dan kemajuan. Padahal sains dan teknologi selamanya alat. Ia bukan matlamat tetapi matlamat hanya boleh dirasai sekirannya alat digunakan untuk kebaikan dan kesejahteraan sekiranya alat berpandukan etika dan nilai-nilai murni. Komputer umpamanya adalah alat. Ia boleh disalahgunakan kalau pengguna tidak mempunyai etika yang baik dan nilai penggunaan yang memberi hikmah kepada pengguna.

Hal yang sama boleh berlaku kepada media sosial yang intim kepada remaja. Program dalam 'google' contohnya ada yang baik dan ada yang tidak baik. Pengguna yang mempunyai etika dan nilai penggunaan yang baik boleh memilih antara keduanya supaya tidak mudah terpengaruh dengan hal-hal yang merosakkan. Apalagi kepada remaja Islam, disamping iman yang diyakini mempunyai takwa atau 'God-consciousness' dengan keinsafan apa saja yang digunakan sentiasa dalam pemerhatian dan ketahuan Allah.

Disiplin takwa merupakan asas penting kepada seorang remaja Muslim apalagi Mukmin supaya kawalan diri sentiasa jadi pertimbangan bila melakukan sesuatu kerana remaja harus tahu hak dan batil, salah

dan benar dan dosa dan pahala.

SIKAP FUTURISTIK

Remaja hari ini harus bersikap futuristik. Melihat hari depan dengan persiapan mental, fizikal dan hati budi yang matang kerana jenis cabaran yang bakal dihadapi oleh remaja tidak saja dalam bidang pemikiran tetapi juga akhlak kerana faham kebendaan yang berkembang, sikap liberal yang terdapat boleh menyebabkan penyimpangan amalan terjadi.

Oleh itu pendidikan dalam keluarga harus memberi fokus terhadap pembentukan peribadi anak-anak, pendidikan di sekolah mengukuhkan lagi pemikiran dengan ilmu yang bermanfaat dan kemahiran yang berdasarkan etika yang mampu bertahan menghadapi cabaran semasa yang ingin memisahkan manusia dari pedoman agama yang betul. Remaja tanpa agama menyebabkan kekosongan pada hati untuk memandu remaja melalui jalan yang benar dan berpedoman.

PENDIDIKAN AGAMA

Pendekatan pendidikan agama kepada remaja khususnya remaja Melayu tidak saja dalam batas fardu ain dan ibadah khusus semata-mata tetapi harus mampu membina fikrah Islami supaya dengan Islam memberikan asas akidah yang kukuh dan cara hidup yang sempurna supaya menjadi benteng pertahanan para remaja menghadapi kerentahan zaman dan perubahan supaya kemajuan dan perubahan berada dalam acuan kita sendiri.

Acuan kita sendiri berdasarkan nilai budaya kita sendiri yang menjadi etika dan sistem nilai yang baik sebagai cara hidup. Dengan etika dan sistem nilai yang baik ia mengekalkan remaja berada dalam keadaan fitrah dan sebarang pertimbangan dalam pemikiran, dalam hati dan amalan berdasarkan sikap ubudiyah atau ketaatan dan kedekatan kepada Pencipta. Jiwa takwa yang dimiliki menjadikan remaja sentiasa sedar dan insaf bahawa Pencipta itu Maha Mengetahui apa yang remaja lakukan. Ini menyebabkan remaja hidup dalam keadaan terkawal dan terpedoman.

Penulis merupakan Pensyarah Kulliyyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa (UIA).



Pemodenan pembedahan melalui laparoskopi



DR. SHANKAR GUNARASA



PEMODENAN teknologi memberi kesan dan impak kepada semua tahap kehidupan. Industri kesihatan tidak terkecuali dari revolusi pemodenan ini.

Pembedahan laparoskopi atau lebih di kenali pembedahan invasif minimal, adalah kaedah pembedahan yang baru di mana insisi kecil di lakukan di bahagian abdomen berbanding cara pembedahan konvensional.

Dari insisi inilah kamera teleskop 2D atau yang terkini kamera 3D dimasukkan. Dengan ini pakar bedah boleh menggambarkan dan melihat organ dalaman di skrin, menjadikan pembedahan lebih mudah dan selamat. Untuk mempermudahkan pembedahan, ruang abdomen biasanya akan dinaikkan dengan karbon dioksida (CO₂) bertekanan, yang tidak mudah terbakar dan mudah diserap ke dalam badan.

Hampir semua jenis pembedahan boleh menggunakan sistem pembedahan laparoskopi anataranya apendiks, angin pasang (hernia), pundi hempedu, batu karang, hati dan pembedahan kanser kolorektal.

Walaupun pembedahan ini telah berada beberapa dekad, namun cara pembedahan ini memerlukan kepakaran yang mendalam berbanding dengan kaedah pembedahan terbuka. Ini adalah kerana laparoskopi merupakan pembedahan teknikal rumit yang memerlukan koordinasi mata dan tangan yang baik untuk menavigasi struktur dalaman.

Kebolehan ini hanya boleh dicapai oleh pakar bedah setelah bertahun tahun menjalani latihan terperinci.

KELEBIHAN DAN KEKURANGAN

Setiap pemodenan semestinya ada kelebihan dan keku-rangannya dan berdasarkan kepakaran pakar bedah, yang paling mustahak komplikasi dielakkan dan keselamatan pesakit diutamakan.

Antara kelebihannya ialah:

- Insisi kecil memberi kurang kesakitan
- Membolehkan pergerakan awal dan pemulihan jangka masa singkat.
- Kurang pendarahan dan tidak memerlukan pemindahan darah.
- Fungsi pergerakan usus lebih cepat dari pembedahan konvensional.
- Kos keseluruhan penginapan rendah disebabkan pesakit boleh pulang lebih awal.

Antara keburukan ialah:

- Kemungkinan kecederaan kepada tisu disebabkan kurang persepsi
- Kesan buruk inflasi CO₂ dan stress ke pada jantung, terutama sekali pesakit yang ada masalah jantung.
- Mungkin sukar dilakukan kepada pesakit yang pernah menjalani pembedahan terbuka kerana kesan parut.
- Mengambil masa lama untuk pembedahan berbanding dengan cara pembedahan secara konvensional.
- Kesukaran melihat keseluruhan gambaran di abdomen berbanding dengan prosedur terbuka.
- Parut di bahagian dalam perut dari pembedahan terbuka mempunyai kemungkinan komplikasi atau penyumbatan usus lebih tinggi dalam jangka masa panjang.

PEMULIHAN SELEPAS LAPAROSKOPI

Disebabkan kesan insisi yang kecil, pesakit dapat bangun dengan cepat dan bergerak dari katil. Berjalan dapat menormalkan usus dan mengurangkan kesan kembung dengan cepat.

Kesan kembung selepas pembedahan laparoskopi memang biasa disebabkan inflasi gas CO₂ semasa pembedahan. Bergantung pada

- Walaupun kesan parut kecil, kebersihan perlu di jaga, terutamanya pesakit yang mengidapi kencing manis.



jenis pembedahan antara tiga hingga ke lima hari.

Walaupun kesan parut kecil, kebersihan perlu di jaga, terutamanya pesakit yang mengidapi kencing manis. Biasanya parut pembedahan dibalut untuk tiga hari dan pada hari ketiga, ia akan diperiksa oleh doktor.

Jika pembedahan laparoskopi berjaya tanpa komplikasi, pesakit dapat dilepaskan dari hospital, bergantung pada jenis pembedahan antara tiga ke lima hari.

Tiada pantang larang dari segi penjagaan makanan, tetapi secara lazimnya pemakanan secara seimbang digalakkan. Bagi pesakit kanser usus yang selesai menjalani pembedahan, pemakanan berdaging tidak digalakkan. Daging atau 'red meat' adalah tinggi dengan besi (iron) dan iron adalah pro-oxidant.

Ini akan mengakibatkan kerosakan di dinding usus dan menggalakkan carcinogenesis. Sama juga makanan berlemak yang juga ada kesan sampingan seperti iron.

Bagi pesakit yang baru sahaja menjalani

pembedahan angin pasang, senaman dan pergerakan aktif tidak digalakkan untuk dua minggu.

Walaupun insisi di badan adalah kecil, sama seperti pembedahan konvensional, ada beberapa pantang larang yang perlu di patuhil oleh pesakit. Sebagai peraturan, pesakit dibebaskan selama tiga hingga lima hari, tetapi ini tidak bermakna dia boleh kembali dengan irama kehidupan yang sama.

Selepas tiba di rumah, penting bagi pesakit untuk mengikuti garis panduan berikut:

- Semua perubatan dalam rejimen mesti diselaraskan dengan doktor yang hadir.
- Adalah penting untuk mengecualikan diri dari sukan atau aktiviti lasak untuk penyembuhan cepat jahitan.
- Perjalanan panjang tidak digalakkan dalam tempoh terdekat.
- Mengangkat barang berat adalah dilarang.
- Jangan menggunakan krim pada jahitan, jika perlu, dapatkan kepastian dari doktor terlebih dahulu.
- Pakaian yang selesa harus dipakai.
- Sehingga jahitan dikeluarkan, anda tidak digalakkan mandi. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan pembedahan laparoskopi, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06-2319999 sambung ke 2131.

Penulis merupakan Consultant General and Colorectal Surgeon Pantai Hospital Ayer Keroh.



PARUTAN laparoskopi bagi pembedahan kanser usus.



PARUTAN dari pembedahan Konvensional.

Pelajar KUIM terima sumbangan 'food bank'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KUALA LINGGI - Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) menerima sumbangan 'food bank' untuk diagihkan kepada pelajar memerlukan daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Naib Canselor KUIM Datuk Prof. Dr. Mohd Taib Dora berkata, sumbangan tersebut diterima selepas menerima kunjung hormat YaPEIM yang diwakili Pen-

gurus Lembaga Pemegang Amanahnya, Datuk Mohd Redza Bin Abdul Wahid.

"KUIM menerima kunjung hormat daripada YaPEIM bagi menyampaikan sumbangan 'food bank' kepada pelajar KUIM.

"Pihak KUIM amat berseserahan dengan sumbangan yang diberikan. Semoga segala perancangan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. InsyaAllah," katanya.

Hadir sama ke kunjung

hormat berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Baharom Said.

Dalam majlis berkenaan, YaPEIM menyampaikan sumbangan Food Bank 2.0 berjumlah RM7,350.00 berbentuk kupon makanan kepada 150 pelajar.

Selain itu, turut disampaikan sumbangan RM44,500 Bantuan Pendidikan Dana Inspirasi Malaysia kepada 89 pelajar membabitkan bantuan yuran pengajian.



MOHD Taib (dua dari kiri) menerima replika cek sumbangan 'food bank' YaPEIM daripada Mohd Redza.



MOHD Taib menyampaikan cenderahati kepada Mohd Redza sejurus selesai majlis tersebut.



ANTARA sebahagian penghuni Melaka Perdana Resort Homes bergambar bersama selepas Pertandingan Boling Suka-Suka Al Barakah di Pusat Boling Antarabangsa Melaka (MIBC), baru-baru ini. Hadir sama, Pengajar Kejohanan Haidzir Ahmad.

**RESIDENSI
Bukit Katil**

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : **06 - 286 5120**
Isnin hingga Jumaat (9:00 pagi - 5:00 petang)
E-mel: wiramagr@gmail.com

Kemudahan

- Surau
- Gymnasium
- Tedka
- Tasla
- Taman Permainan
- Dewan Komuniti
- Bilik Dobbi

Pelan Lantai

Jenis A (Tengah) : 1,000 ^{sqft} (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A2 (Hujung) : 1,000 ^{sqft} (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)
Jenis A1 (Tengah) : 1,000 ^{sqft} (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A3 (Hujung) : 1,000 ^{sqft} (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)



TYPE BI
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sq.ft



TYPE CI
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sq.ft



NIKMATI GAYA HIDUP LENKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana pembangunan seperti sekolah, hospital dan pusat komersial



S NAGARAJAN (tengah), melayan pelanggan di kedai miliknya.

PKPB :Tiada bazar, tiada Pesta Deepavali

Farah Suhaidah Othman

BERBAKI masih seminggu untuk meraikan sambutan perayaan Deepavali, namun kemeriahannya tidak seperti tahun sebelumnya.

Kesuraman tanpa bazar dan Pesta Deepavali di kaki jalan Little India sebagaimana tradisi terdahulu pastinya melakar sejarah tersendiri kepada semua lapisan masyarakat India di negeri ini berikutan peningkatan kes COVID-19 gelombang ketiga yang melanda negara.

Dalam keadaan norma baharu selain penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 9 November hingga 6 Disember, pastinya kemeriahannya itu tidak sama seperti dahulu.

Namun apakan daya demi keselamatan semua rakyat di serata negara, sambutan Deepavali itu secara apa adanya atau istilah mudahnya, secara sederhana.

Bagi M Velumurugam, 27, dia memperincikan sambutan Deepavali tahun ini sebagai amalan untuk menjaga



M VELUMURUGAM



PV SARAVANAN

keselamatan diri sendiri dan orang lain selain mengajar masyarakat khususnya kaum India untuk bersederhana dalam menyambut perayaan.

Katanya, jika sebelum ini kemeriahannya menyambut Pesta Cahaya itu dirasai sebulan sebelum perayaan itu, namun jelas berbeza bagi dirinya untuk sambutan kali ini.

"Tiap-tiap tahun di kawasan Little India meriah dengan pelbagai jualan persiapan menyambut Deepavali, tetapi tahun ini jalan lengang tanpa ada 'booth' dibuka untuk sambutan itu.

"Bagaimanapun, seba-

erti amalan selalu dilakukan," katanya.

Bagi PV Saravanan, 45 dia yang juga ahli Persatuan Peniaga Little India, Banda Hilir mengambil keputusan untuk tidak membuka bazar sempena Deepavali tahun ini demi menjaga keselamatan semua pihak.

"Jika diteruskan, kita sendiri bimbang masyarakat dan peniaga tidak mampu mengikuti SOP (prosedur operasi standard) ditetapkan, jadi lebih baik kita batalkan sahaja.

"Tidak mengapa jika

kita berkorban sedikit tahun ini demi keselamatan semua pihak," katanya.

Dalam pada itu, Saravanan yang mengusahakan kedai makan turut melahirkan rasa sedih terhadap kemerosotan perniagaannya namun tidak mampu berbuat apa-apa kerana pandemik itu menjadikan semua sektor ekonomi di seluruh negara.

"Hampir 70 peratus perniagaan sayaerosot dengan hasil jualan yang tidak memberangsangkan kerana

orang ramai takut untuk keluar makan di luar," katanya.

Sementara itu, pengusaha kedai pakaian, S Nagarajan, 69 berkata, kebiasaan dalam tempoh dua tiga minggu sebelum Deepavali, masyarakat India berpuspu-puspu membeli-belah di kedai pakaian miliknya namun suasana jelas terasa pada tahun ini.

"Lihatlah sendiri suasana di kedai saya, seorang dua sahaja pelanggan yang datang untuk membeli pakaian baharu," katanya.



SUASANA kedai pakaian yang lengang di Little India, Melaka.

“ Jika diteruskan, kita sendiri bimbang masyarakat dan peniaga tidak mampu mengikuti SOP (prosedur operasi standard) ditetapkan, jadi lebih baik kita batalkan sahaja. ”

MOHAMED Yusoff
berniaga santan
kelapa hampir
15 tahun.



MOHAMED Yusoff bersama isteri Aminah Muhammad, 58, memiliki perniagaan Yussiah Enterprise.



Santan Pak Yuss memang tulen!

Liana Sahabudin

PERJALANAN kehidupan um-pama lautan, ada pasang surutnya. Itu perumpamaan bagi seorang pe-niaga santan kelapa tempatan di Kampung Gedong Lalang, Bukit Rambai.

Mohamed Yusoff Abdul Ma-naf, 61, ketika ditemui berkata, walaupun sudah 15 tahun memulakan perniagaan santan kelapa namun ada kalanya memerlukan fizikal dan mental yang kuat.

"Pada awal perniagaan santan saya hanya dapatkan bekalan daripada kawan di Segamat, dialah yang bekalkan kelapa dengan santan dan saya hanya jual ketika itu. Selepas enam tahun, kawan saya dah tak dapat nak bekalkan lagi, jadi saya terpaksa buat sendiri lepas pencer umur 55 tahun."

"Bila buat sendiri banyak proses dan kerja kena lakukan, mana nak cari pembekal kelapa, macam mana nak

proses santan dan pelbagai lagi," kata-nya ketika ditemui MHI.

USAHA BUKA KEDAI SENDIRI

Menurutnya, selepas pencer dengan duit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Mohamed Yusoff memulakan perniagaan sendiri bermodalkan RM6,000 bagi membeli mesin santan.

"Sebelum ni saya kerja Tele-kom Malaysia Berhad (TM), lepas pencer saya terfikir nak buat apa, Alhamdulillah ada kawan syorkan niaga santan kelapa semua.

"Sebab kesiankan orang rumah yang bermula kuih setiap hari dari rumah ke rumah, saya cuba untuk niaga dan selepas enam tahun dengan modal yang ada saya buka kedai sendiri," katanya lagi.

SUKAR DAPATKAN BEKALAN KELAPA

Katanya, dengan mesin santan yang ada, Mohamed Yusoff dapat

memproses kira-kira 25 biji kelapa pada satu-satu masa.

"Mesin santan ni kecil saja, muat dalam 25 biji kelapa dalam satu kali proses, pada waktu tu kita kena rajin cari kelapa sebab tiada kebun sendiri."

"Mulanya susah nak cari sebab tak kenal sesejapa, tapi Alhamdulillah ada bekalan dari Kampung Ayer Salak waktu itu."

"Selepas itu kawan yang kerja Telekom bantu bekalkan kelapa dan pak ciknya di Merlimau turut bekalkan kelapa kepada saya hingga hari ini," katanya lagi.

TAK MENANG TANGAN DAPAT TEMPAHAN

Mohamed Yusoff berkata pada awal perniagaan santan memang laris hingga tidak menang tangan menerima tempahan dan kunjun-gan pelanggan di kedainya.

"Ada pelanggan tidak tahu konsep santan beku, cara nak masak semua dan ada yang tunggu hingga cair baru masak, tapi setakat ini pelanggan tetap dah tahu cara gunakan santan yang kami jual."

"Paling memenatkan bila ada majlis atau musim perayaan, pernah hingga 100 kilogram santan pe-langgan tempah dalam masa sehari dan kami terpaksa minta bantuan anak-anak," katanya.

SANTAN TULEN TIDAK CAMPUR AIR

Menariknya santan milik Mohamed Yusoff tidak menggunakan sebarang bahan campuran, malah hanya 100 peratus menggunakan kelapa yang sudah diparut.

"Santan kami tidak bercampur dengan air sebaliknya ianya seratus peratus tulen, kalau pelanggan guna santan ni untuk memasak mesti kena letak air kalau tidak masakan jadi terlalu pekat dan berle-mak."

"Untuk menyiapkan santan hingga ke proses bungkusan mengambil masa satu jam lebih dan ia



ANTARA pakej santan kelapa yang disediakan di kedai Mohamed Yusoff.



KERJA-kerja memarut kelapa yang dilakukan Mohamed Yusoff.

bergantung kepada berapa banyak yang dihasilkan," jelasnya.

Katanya terdapat beberapa pakej santan dijual seperti 250 gram dengan harga RM3, 500 gram (RM6) dan satu kilogram (RM12).

"Setiap satu kilogram guna empat biji kelapa, kalau 100 kilo-gram kita gunakan dalam 400 biji

kelapa, dulu kami ada buat kerisik tapi dah tak sempat kerana ter-paksa fokus santan sahaja."

"Kalau ada tempahan banyak, pukul empat atau lima pagi dah mula buat, uniknya santan ini, kami tapis tiga kali untuk mendapatkan hasil yang betul-betul cantik," kata-nya yang juga bapa kepada empat orang anak.



MESIN yang digunakan bagi memudahkan kerja memproses santan.



BANCI MALAYSIA

“Data Anda Masa Depan Kita”



- Dalam Talian
- Bersemuka



Scan QR Code
Untuk Jawab Banci



www.mycensus.gov.my



@MyCensus2020
@StatsMalaysia

1800 88 7720

Additional RM1 billion to stem COVID-19 third wave

KUALA LUMPUR - The government proposes to provide an allocation of RM1 billion under Budget 2021 to stem the third wave of COVID-19, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz said recently.

The allocation is in addition to the RM1.8 billion that it had provided this year to implement COVID-19 movement control measures as well as public health services, including to buy Personal Protective Equipment (PPE), reagents and consumables, he said.

Tengku Zafrul, in tabling Budget 2021 in the Dewan Rakyat, said the proposed RM1 billion allocation comprised RM475 million to purchase reagent supplies, screening kits and consumables for the use of the Health Ministry.

"RM318 million is for the provision of PPE and hand sanitiser to all Health Ministry frontliners. A sum of RM150 million will be allocated to the National Disaster Management Agency (NADMA) to coordinate measures to combat COVID-19."

"RM50 is to be provided for procurement of equipment, laboratory test supplies and medicines by university teaching hospitals and augment dental facility operational equipment, virtual clinical services and provision of screening zone facility and thermometers at health facilities to meet the new normal SOPs," he said.

It is to be noted that the Health Ministry has spent about RM400 million to combat the worsened COVID-19 situation in Sabah, which included sending food aid to houses and medical equipment.

Tengku Zafrul said the government proposed to expand the scope of tax relief for medical treatment expenses covering vaccination expenses such as pneumococcal, influenza and COVID-19.

He explained that the tax relief would be for vaccination expenses for the taxpayer, spouse and children, limited to RM1,000.

"The government will also raise the tax relief on medical treatment expenses of the taxpayer, spouse and children for serious illnesses from RM6,000 to RM8,000 and raise the tax relief for full health examination expenses from RM500 to RM1,000," he said.

He said that additionally, the tax relief on expenses for medical treatment, special needs and parental care will be raised from RM5,000 to RM8,000.- BERNAMA



THE COVID-19 vaccine, which is expected to be available in the first quarter of next year, is not for treating the infection but rather as protection against the disease. (Photo source Internet)



TENGKU Zafrul (Photo source RTM).

Govt allocates RM322.5 billion for budget 2021

KUALA LUMPUR - The Malaysian government is allocating RM322.5 billion, or 20.6 per cent of the Gross Domestic Product (GDP), for Budget 2021.

This is an increase from its total expenditure allocation for 2020, which has been revised upwards to RM314.7 billion from the initial budget estimate of RM297 billion.

In the Fiscal Outlook and Federal Government Revenue Estimates 2021 report released recently, the Finance Ministry said of the total 2021 budget, RM236.5 billion (73.3 per cent) will be channelled to operating expenditure (OE), RM69 billion (21.4 per cent) to development expenditure (DE) and RM17 billion (5.3 per cent) to the COVID-19 fund.

"The allocation for OE is estimated to be higher at RM236.5 billion or 15.1 per cent of GDP in 2021. Compared to 2020, the amount is slightly higher by 4.3 per cent from the revised (OE) budget of RM226.7 billion," it said.

Emoluments remain the largest component, constituting 35.7

per cent of the OE.

"The component is expected to increase to RM84.5 billion (from RM82.6 billion in 2020), contributed mainly by the annual salary increment for civil servants. Retirement charges are estimated to increase by two per cent to RM27.6 billion, representing 11.7 of the OE," it said.

A sum of RM39 billion is allocated for debt service charges in 2021, of which 97.7 per cent is allocated for the payment of coupons on domestic debts while the balance is for offshore loans.

In tandem with economic recovery, the DE will continue to be channelled to programmes and projects with high multiplier impact to promote economic growth and support the livelihood of the rakyat, the ministry said.

"The RM69 billion allocated in 2021, an increase of 38 per cent from 2020, is to support economic growth and provide a better quality of life and living environment through the implementation of new and ongoing programmes and projects, mainly in the areas of education, healthcare, housing, transportation and

public utilities," it said.

Of the total DE, RM67.3 billion is in the form of direct allocation, while RM1.7 billion is for loans to state governments and government-linked entities.

In terms of allocation by sector, the economic sector remains the largest recipient at 56.4 per cent of DE, followed by social (26.7 per cent), security 11.2 per cent and general administration 5.7 per cent.

The allocation for the economic sector is at RM39 billion, from RM28.5 billion in 2020 in line with the efforts to drive and enhance the growth of the economy. The main focus is transportation, trade and industry as well as energy and public utilities-related projects.

"The transport sub-sector accounts for the largest share at 21.8 per cent of total DE or RM15 billion. Projects under the sector include upgrading, expansion and maintenance of highways, roads, railways, bridges, ports and airports such as the construction of the Gemas-Johor Bahru Electrified Double Track, Pan Borneo Highway, KVDT1 (Klang Valley Double Tracking), Rapid Transit System as well as the expansion of the Kuantan Port and airport in Sandakan," it said.

Expenditure for the social sector, amounting to RM18.4 billion or 26.7 per cent of total DE, is the second-largest component in DE. Of this, about RM8.9 billion is allocated for the education and training sub-sector to provide better education facilities.

The health sub-sector remains as a priority sub-sector with an allocation of RM4.7 billion (6.8 per cent of total DE), with spending focused on expanding the health sector and providing an effective national healthcare system.

"More new hospitals and clinics will be built, especially in small districts to ensure affordable, equitable and accessible healthcare system," it said.

On the upward revision of the 2020 budget, the Finance Ministry said the net increase of RM17.7 billion is derived from the fiscal stimulus injection estimated at RM38 billion and savings from expenditure amounting to RM20.3 billion.- BERNAMA

COVID-19: Vaccine is for prevention, not cure - MMA

KUALA LUMPUR - The COVID-19 vaccine, which is expected to be available in the first quarter of next year, is not for treating the infection but rather as protection against the disease, said the Malaysian Medical Association (MMA) president Prof Datuk Dr Subramaniam Muniandy.

Dr Subramaniam said that when the vaccine was injected into the human body, it would help increase immunity in the body to fight diseases.

"Therefore, the frontliners such as doctors and nurses will be given priority to get vaccinated because they are the closest individuals (to the patients), vulnerable and at high risk when dealing with patients who are

positive for COVID-19.

"The World Health Organisation (WHO) recently also announced that every country will get the vaccine whether it is a developed country or not," he told reporters after the handing over ceremony of donations for the Sabah COVID-19 Fund at the MMA Building here recently.

He said that once the vaccine was available, the price would be high and not everyone could afford it, thus people would have to depend on the government's allocation to get vaccinated.

During the ceremony, Loob Holding Sdn Bhd, better known as Tealive, handed over a contribution of RM100,000 to assist

frontliners in Sabah in the fight against the pandemic.

To date, MMA has received a total of RM4.5 million in donations in the form of medical equipment and cash for the COVID-19 Fund, of which RM3.5 million has been donated for use in Sabah.- BERNAMA

- "The World Health Organisation (WHO) recently also announced that every country will get the vaccine whether it is a developed country or not".

"Masih terlalu awal" - Mohd Yusoff

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MENDUDUKI tangga kesembilan Liga Super selepas berbelanja besar pada musim 2020 memberi petunjuk bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam pasukan Melaka United (MU).

Walaupun bermula agak meyakinkan musim ini, namun tanpa disangka prestasi pasukan semakin merudum selepas dua perlawanan dan kerap kehilangan mata.

Situasi diburukkan lagi apabila skuad Hang Tuah dipotong tiga mata ekoran masalah gaji dan selepas itu pandemik COVID-19 mula melanda negara membuatkan saingan Liga Malaysia dihentikan seketika.

Selepas aksi liga kembali bersambung pada penghujung Ogos 2020, seakan terlihat ada sinar dalam pasukan apabila memenangi dua perlawanan awal dan selepas itu skrip sama berulang lagi hingga memperlihatkan MU mula terumbang-ambing hingga terperosok ke tangga kesembilan liga.

Hal itu diakui Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi yang menyifatkan pencapaian Melaka United musim ini sebagai antara yang terburuk dalam sejarah.

Jelasnya, meskipun COVID-19 melanda dunia dan menyebabkan ramai yang terkesan, namun itu bukanlah alasan yang boleh diberikan disebalik kelemahan yang berlaku.

"Semua pasukan juga mengalami mengalami nasib yang sama selepas pandemik COVID-19 melanda. Jadi ia bukan satu alasan. Kedudukan kita jauh merosot berbanding sebelum ini, itu yang dibimbangkan," katanya ketika dihubungi MHI.

Kenyataan itu sekali gus menimbulkan persoalan mengenai nasib Ketua Jurulatih Zainal Abidin Hassan yang sudah dua musim memimpin pasukan, namun gagal memperoleh keputusan yang boleh dibanggakan.

Mohd Yusoff bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu kerana ia akan dibincangkan bersama pihak pengurusan sedikit masa lagi.

"Untuk jawab perkara itu (nasib Zainal) masih terlalu awal. Kita akan berbincang dengan pengurusan terutamanya bersama Presiden MUSA Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali.

"Dari situ kita akan buat penilaian secara keseluruhan sama ada perlu menukar jurulatih atau tidak. Buat masa ini saya tak boleh beri jawapan," katanya lagi.

Apa yang pasti, penyokong Gegau Melaka Gegau pastinya mengharapkan adanya satu pembaharuan bagi menghadapi musim baharu Liga Malaysia yang mula berubah ke arah penswastaan musim depan.

Diharap, akan ada satu pembaharuan dirangka Melaka United untuk menghadapi musim baharu untuk menceriankan 'pemain ke-12' yang selama ini setia berdiri di belakang pasukan.



NASIB Zainal akan ditentukan dalam mesyuarat bersama pihak pengurusan sedikit masa lagi. FOTO: MUSA



Tonik tambahan buat atlet renang Melaka

ATLET renang negeri Melaka yang sedang mempersiapkan diri untuk menghadapi kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA 2020) tahun depan menerima tonik tambahan daripada Kerajaan Negeri Melaka.

Menurut Pengurus Jawatankuasa NGO, Pembangunan Belia dan Sukan negeri Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen berkata, insentif terbaru yang diberikan ialah dengan memberikan diskaun bayaran masuk ke fasiliti renang setiap kali mengadakan latihan.

Menurutnya, sebelum ini 58 atlet renang negeri perlu membayar RM5 setiap orang untuk masuk ke kompleks renang bagi mendapatkan latihan, namun dengan pengenalan insentif tersebut, pihaknya mengenakan bayaran berbentuk bulanan kepada atlet yang jauh lebih rendah dan tidak membebankan.

"Ini adalah antara persetujuan yang kita terima daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) sebentar tadi yang mana bayaran bulanan yang dikenakan ialah hanya RM3,000 kepada kesemua 58 atlet dan mereka tidak perlu

lagi membayarnya setiap kali mahu mengadakan latihan mengikut jadual yang ditetapkan.

"Insentif ini diwujudkan untuk memastikan atlet renang mendapat bantuan dan galakan sewajarnya supaya mereka lebih bermotivasi untuk memastikan sukan renang Melaka berada di tahap terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memperkenalkan Mesyuarat Post-Exco NGO, Pembangunan Belia dan Sukan di Bangunan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Melaka, di sini, baru-baru ini.

Tambahnya, selain insentif kepada atlet renang, pihaknya juga bersetuju untuk memberikan insentif kepada Persatuan Renang Negeri Melaka untuk menganjurkan bengkel atau klinik renang kepada pelajar sekolah rendah dan menengah.

Menurutnya, melalui insentif itu pelajar-pelajar yang menyertai bengkel anjuran persatuan itu hanya dikenakan bayaran RM3 setiap kali masuk dan bukannya RM5 seperti yang dikenakan orang awam.



AKSI yang menyaksikan gawang gol United dibolosi sebanyak enam kali. Foto sumber Internet

Mungkinkah Old Trafford mula bosan...?

OLD Trafford yang mula beroperasi kira-kira 110 tahun dahulu memang sudah terkenal sebagai stadium keramat buat pasukan Manchester United.

Sejak dahulu, mendarah saji nama Old Trafford, pastinya pasukan-pasukan lawan akan berasa gentar apatah lagi dengan gema sorakan padu penyokong The Red Devils.

Namun kini, nama Old Trafford seakan sudah hilang serinya. Stadium yang suatu ketika dahulu menjadi ancaman besar pasukan Liga Perdana Inggeris (EPL) mula kehilangan taringnya.

Stadium yang dahulunya gah dengan kemenangan demi kemenangan, kini berubah wajah apabila acap kali menyaksikan tangisan penyokong sendiri angka kekalahan Manchester United.

Musim 2020/21 sekali lagi membuktikan Old Trafford sedang layu di hujung mekar dan kini hanya tinggal nama.

Sejurus saingan EPL musim ini dibuka tira pada September lalu, stadium yang terletak di Greater

Manchester, England itu tidak menunggu lama untuk menyaksikan kekalahan pertama Manchester United di laman sendiri.

Walaupun turun menjentang pasukan di kelompok bawahani liga, Crystal Palace, namun skuad kendalian Ole Gunnar Solsjaer dikejutkan apabila tewas 1-3.

Lebih sadis, dua daripada tiga gol Palace dijaringkan sendiri oleh bekas pemain United, Wilfried Zaha.

Ramai yang menjangkakan kekalahan awal itu menjadi pencetus kebangkitan United, namun sebaliknya yang terjadi.

Aksi kedua di Old Trafford musim ini lebih mengagarkan apabila mereka tewas dengan jurang gol besar 1-6 di tangan seterusnya dari London, Tottenham Hotspur.

Boleh dikatakan keputusan memalukan itu menjadi antara kekalahan terbesar dalam sejarah Manchester United, apatah lagi ia terjadi di laman sendiri.

Selepas dimalukan, United dilihat tidak mengambil iktibar dalam aksi seterusnya apabila sekadar

mencatat keputusan seri 0-0 dengan Chelsea dan tewas 0-1 di tangan Arsenal baru-baru ini.

Sehingga artikel ini ditulis, Manchester United masih belum mencatat ke menangan di laman sendiri dalam aksi EPL dan masih menunggu-nunggu kemenangan pertama mereka di stadium keramat itu.

Ada pun, kemenangan yang dicatat bukanlah dalam saingan EPL, sebaliknya dalam aksi Liga Juara-Juara Eropah ketika menduduki kelab Jerman, RB Leipzig 5-0, hujung bulan lalu.

Apa yang pasti, peminat seluruh dunia kini sedang mengharapkan satu keajiban berlaku yang mampu mengubah United kembali ke landasan kemenangan, terutamanya di laman sendiri.

Dengan hanya dua ke menangan yang dicatat di tempat lawan dan kini menduduki tangga ke-15 liga, Manchester United perlu segera bangkit jika masih mengimpikan untuk menjadi kuasa besar Liga Inggeris dan merebut kembali kedudukan lima teratas liga.

APA NASIB ZAINAL?

RENTETAN aksi terumbang-ambing skuad Melaka United (MU) pada aksi Liga Super 2020 baru-baru ini, Timbalan Presiden MUSA Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi menyifatkan pencapaian Melaka United musim ini sebagai antara yang terburuk dalam sejarah. Ia sekali gus mencetuskan persoalan, apakah nasib Ketua Jurulatih MU, Zainal Abidin Hassan?

MS 23

Old
Trafford
'hilang
seri'

MS 23



Insentif buat atlet
renang Melaka

MS 23

**Gambar Sumber Internet

**Gambar Sumber Facebook Majlis Sukan Negeri Melaka